

**SUMBANGAN SULTAN AHMAD SHAH TERHADAP  
PERKEMBANGAN ISLAM DI PAHANG**

**NUR JAMI'AHTUL FATIHA BINTI ABDUL HADI  
PIB 19029**

**IJAZAH SARJANA MUDA DAKWAH ISLAMIAH  
JABATAN DAKWAH FAKULTI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI ISLAM PAHANG SULTAN AHMAD SHAH**

**SUMBANGAN SULTAN AHMAD SHAH TERHADAP PERKEMBANGAN ISLAM  
DI PAHANG**

**NUR JAMI'AHTUL FATIHA BINTI ABDUL HADI  
PIB 19029**

**Kertas Projek Ilmiah dikemukakan bagi memenuhi syarat untuk memperoleh Ijazah  
Sarjana Muda Dakwah Islamiah dengan Kepujian  
di Fakulti Pengajian Islam  
Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah**

**2021**

## **PENGAKUAN**

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.”

.....

NUR JAMI'AHTUL FATIHA BINTI ABDUL HADI

Nombor Matrik: PIB 19029 Fakulti Pengajian Islam

Ijazah Dakwah Islamiah Dengan Kepujian

Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah Tarikh:

## **PENGHARGAAN**

Dengan nama Allah SWT Yang Maha Pemurah Lagi Maha Pengasih dan Maha Penyayang dan junjungan besar Baginda Nabi Muhammad SAW. Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat ilahi kerana dengan limpah dan izin-Nya dapat saya melengkapkan penyelidikan tindakan saya ini bagi memenuhi syarat untuk mendapatkan Ijazah Sarjana Muda Dakwah Islamiah. Di sini saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih tidak terhingga kepada Dr Ustaz Ahmad Effat bin Hj Mokhtar, pensyarah pembimbing yang telah sudi membimbang, menyelia dan menguruskan kajian saya ini. Beliau tidak pernah jemu memberikan tunjuk ajar dan sanggup korbankan masanya.

Ucapan jutaan terima kasih juga ditujukan kepada semua pensyarah Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah yang telah banyak mencerahkan ilmu dan tidak lupa buat rakan seperjuangan di atas segala sokongan dan motivasi sepanjang pengajian ijazah ini. Akhir sekali teristimewa buat ibu bapa tercinta dan keluarga yang tersayang yang banyak menghabiskan masa semata-mata untuk membantu saya disepanjang pengajian ini. Semoga kejayaan ini menjadi hadiah yang sangat bernilai buat kalian. Hanya Allah jua yang akan membalas jasa kalian.

## **ABSTRAK**

Kajian ilmiah ini merupakan satu usaha untuk melihat sejarah berkaitan Kesultanan Melayu Pahang. Kajian ini mengupas aspek berkaitan dengan sumbangan dan kepimpinan Sultan Ahmad Shah di Negeri Pahang dalam perkembangan Islam Negeri Pahang. Justeru, kajian ini juga melihat persoalan kajian tentang bagaimanakah sejarah Kesultanan Melayu di Negeri Pahang, apakah sumbangan Sultan Ahmad Shah dalam pemerintahan Islam di negeri Pahang dan bagaimanakah kepimpinan Sultan Ahmad Shah dalam pemerintahan Islam di negeri Pahang. Seterusnya, kaedah ini memerlukan pengkaji menggunakan bahan-bahan seperti buku, artikel jurnal, dokumen dan lain-lain lagi serta perlu menganalisis bahan-bahan tersebut. Oleh yang demikian, kajian ini dapat dilihat nilai-nilai kepimpinan dan kredibiliti baginda sebagai seorang sultan yang rapat dengan rakyat dan kajian ini menggunakan analisis kandungan dan kajian kepustakaan sebagai metodologi. Menerusi kajian ini didapati bahawa Sultan Ahmad merupakan seorang sultan yang pintar dan disayangi seluruh rakyat Pahang dalam memelihara keharmonian agama Islam. Daripada kajian ini dapat dirumuskan bahawa sultan memainkan peranan penting terhadap perkembangan Islam. Perkara ini telah dibuktikan melalui pentadbiran yang dilakukan oleh generasi sultan dan secara tidak langsung menyentuh mengenai kedudukan sultan dalam perkembangan Islam di Pahang. Malah, kedudukan sultan begitu penting dalam memelihara keistimewaan Islam di Pahang khususnya dan Malaysia umumnya.

## **ABSTRACT**

This research study is conducted with the aim to analyze the history of the Malay Sultanate of Pahang. This research will discuss the correlation between the contribution and leadership of Sultan Ahmad Shah with the development of Islam in Pahang. Thus, this study also answers the research question; What is behind the history of the Malay Sultanate in Pahang? What is the contribution of Sultan Ahmad Shah in Islamic rule in Pahang and how was the leadership of Sultan Ahmad Shah in Islamic rule in Pahang? To answer these questions, as the researcher I used materials such as books, journal articles, documents and others as well as perl to analyze the materials. In spite of that, this study allows us to see the values of his leadership and credibility as a sultan who is loved by the people while using content analysis and literature review as a methodology. Through this writing, it is found that Sultan Ahmad is a smart sultan and loved by all the people of Pahang and the Sultan was renowned in preserving the harmony of Islam which was parallel to his role in Islam. This has been proven through the administration carried out by the Sultan's generation and indirectly touches on the position of the Sultan in the development of Islam in Pahang. Infact, the Sultan's position is so important in preserving the privileges of Islam in Pahang in particular and generally in Malaysia as a whole country.

## ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN .....	i
ABSTRAK .....	ii
ABSTRACT .....	iii
BAB 1 : PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan .....	1
1.2 Latar Belakang Permasalahan Kajian .....	2
1.3 Objektif Kajian .....	3
1.4 Persoalan Kajian .....	3
1.5 Kepentingan Kajian .....	4
1.6 Skop Kajian .....	4
1.7 Metodologi Kajian .....	4
1.8 Difinisi Operasional Kajian .....	5
1.9 Kajian Lepas .....	8
1.10 Kesimpulan .....	10
BAB 2 : SEJARAH KESULTANAN MELAYU PAHANG	
2.1 Pendahuluan .....	11
2.2 Sejarah Kesultanan Pahang .....	12
2.2.1 Sultan Ahmad Al-Mu'azzam Shah Ibni Al-Marhum Bendahara Sri Maharaja Tun Ali .....	15
2.2.2 Sultan Mahmud Shah Ibni Al-Marhum Sultan Ahmad Al-Muazam Shah .....	15
2.2.3 Sultan Abdullah Al-Mu'tasim Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Ahmad Al Mu'azzam Shah .....	15

2.2.4 Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin al-Mu'azzam Shah ibni al-Marhum Sultan Abdullah al Mu'tasim Billah Shah .....	16
2.2.5 Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah ibni Almarhum Sultan Haji Ri'ayatuddin Al-Mu'azzam Shah .....	16
2.2.6 Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin al-Mustafa Billah Shah ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah .....	16
2.3 Kesimpulan .....	17
<b>BAB 3 : BIOGRAFI SULTAN AHMAD SHAH MUSTA'IN BILLAH (SULTAN KE-5)</b>	
3.1 Pendahuluan .....	18
3.2 Riwayat Hidup Sultan Ahmad Shah .....	19
3.3 Pendidikan Sultan Ahmad Shah .....	20
3.4 Kepimpinan Sebagai Sultan .....	21
3.5 Hubungan Hati Dengan Kempimpinan .....	22
3.6 Sejarah Hidup Sultan-Sultan Di Negeri Pahang .....	23
3.6.1 Sultan Ahmad al-Mu'azzam Shah ibni al-Marhum Bendahara Sri Maharaja Tun Ali .....	24
3.6.2 Sultan Mahmud Shah ibni al-Marhum Sultan Ahmad al-Mu'azzam Shah .....	27
3.6.3 Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin al-Mu'azzam Shah ibni al-Marhum Sultan Abdullah al-Mu'tasim Billah Shah .....	28
3.6.4 Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin al-Mustafa Billah Shah ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah .....	29
3.6.5 Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah .....	31
3.7 Kesimpulan .....	34

## BAB 4 : SUMBANGAN SULTAN AHMAD SHAH TERHADAP PERKEMBANGAN ISLAM DI PAHANG

4.1 Pendahuluan .....	35
4.2 Menjadi cnselor Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS).....	35
4.3 Pembinaan bangunan Kompleks Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang .....	36
4.4 Pemerkasaan Tulisan Jawi Di Pahang .....	37
4.5 Menyantuni Golongan Asnaf Dengan Memberi Sumbangan Kepada Golongan Tersebut .....	37
4.6 Menyantuni Mualaf Dengan Mmeberikan Sumbangan Kepada Golongan Tersebut .....	38
4.7 Kesimpulan .....	39
<b>BAB 5 : KESIMPULAN DAN RUMUSAN</b>	
5.1 Sultan Ahmad Shah Tokoh Sultan Berjiwa Rakyat .....	40
5.2 Kepimpinan Sultan Ahmad Shah .....	40
5.3 Pembangunan Pendidikan Era Sultan Ahmad Shah .....	41
5.4 Pembangunan Kerohanian .....	42
5.5 Sumbangan .....	45
5.6 Kesimpulan .....	46
RUJUKAN .....	47
LAMPIRAN .....	51

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Pendahuluan

Pahang adalah negeri yang terletak di bahagian tengah membawa ke timur Semenanjung Tanah Melayu. Ia bersempadan dengan Laut China Selatan di timur, negeri Kelantan dan Terengganu di utara, Perak, Selangor dan Negeri Sembilan di barat, dan Johor di selatannya. Pahang merupakan negeri yang terbesar dengan gunung tertinggi dan sungai terpanjang di bahagian Semenanjung Tanah Melayu (Malaysia), merupakan negeri yang tertua selepas Patani (sekarang dalam wilayah Thailand), iaitu lebih tua dari Melaka. Di zaman silam, kerajaannya meliputi hujung tanah hingga ke Singapura. Rajanya juga mempunyai talian persaudaraan melalui perkahwinan dengan Parameswara, iaitu Raja yang pertama membuka Melaka. Walaupun kerajaan di negeri Pahang telah lama wujud, namun corak pemerintahan Kesultanan Melayu Islam di negeri Pahang wujud selepas terbentuknya Kerajaan Islam di Melaka. Sultan Pahang yang pertama adalah putera kepada Sultan Mansur Shah, Melaka (c.1470 M)<sup>1</sup> Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah ibni Almarhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'azzam Shah hidup 24 Oktober 1930 – 22 Mei 2019) merupakan Sultan Pahang kelima dari 8 Mei 1974 sehingga baginda turun takhta pada 11 Januari 2019. Setelah itu, baginda dikurniakan gelaran Paduka Ayahanda<sup>2</sup>

Sultan Ahmad merupakan paduka anakanda ketiga dan paduka putera tunggal kepada KDYMM Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'azzam Shah dengan KDYMM Tengku Ampuan Besar Raja Fatimah. Anakanda Baginda yang sulung adalah seorang puteri sementara anakanda ketiga seorang putera yang mangkat semasa kecil. Baginda juga merupakan Yang di- Pertuan Agong yang ketujuh, memerintah Malaysia dari 26 April 1979 sehingga 25 April 1984. Pada 22 Mei 2019, Istana Pahang melaporkan Paduka Sultan Ahmad telah kembali ke rahmatullah tepat jam 8:50 pagi di Institut Jantung Negara, Kuala Lumpur setelah gering sekian lama. Baginda dimakamkan bersebelahan pusara isteri Baginda, Tengku Ampuan Afzan di Makam Diraja Pahang, berdekatan dengan Masjid Abu Bakar di Pekan, Pahang.

---

<sup>1</sup> Http Diraja pahang My portal diraja “Sejarah Kesultanan Melayu pahang”1 Mei 2021, 1.30 pm

<sup>2</sup> Http Diraja pahang My portal diraja “Sejarah Kesultanan Melayu pahang”1 Mei 2021, 1.30 pm

## **1.2 Latar Belakang Permasalahan Kajian**

Almarhum kembawah duli yang Maha Mulia Paduka Ayahnda Sultan Haji Ahmad Shah Al-Mustaiin Billah Ibni Almarhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Muadzam Shah. Almarhum Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Ayahnda Sultan Haji Ahmad Shah Al-Mustaiin Billah Ibni Almarhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Muadzam Shah telah diputerakan tepat jam 12.00 tengah hari pada hari jumaat, 24 Oktober Di istana Manggal Tunggal (bersebelahan Istana Kuning, Pekan Lama) Bandar diraja Pekan. Almarhum merupakan anakanda ketiga Almarhum Sir Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Muadzam Shah Ibni Sultan Abdullah Al-Mu'tsassin Billah dengan Almarhumah Tengku Ampuan Besar Pahang Raha Hajjah Fatimah Binti Almarhum Sultan Iskandar Shah<sup>3</sup>. Seterusnya, sumbangan sultan ahmad shah terhadap perkembangan islam di pahang. Almarhum juga disifatkan sebagai sultan yang amat menitikberatkan pembangunan pendidikan di Pahang kerana menyedari kepentingan ilmu untuk mengubah nasib rakyat. Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP) Profesor Ir Dr Wan Azhar Wan Yusoff berkata almarhum banyak menyumbang terhadap pembangunan universiti sehingga dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Kejuruteraan Awam pada Majlis Konvokesyen Komemoratif dan Majlis Konvokesyen Ke-4 UMP pada 2009.<sup>4</sup>

Sultan Ahmad sebelum digelar sebagai sultan lebih dikenali dengan nama Bendahara Wan Ahmad. Baginda telah dilantik sebagai pemerintah negeri Pahang secara rasminya oleh Orang-orang Besar Pahang. Baginda merupakan Sultan Pahang yang pertama dalam keturunan bendahara yang menggunakan gelaran sultan bagi mewujudkan kesultanan yang sebelum ini di bawah Raja Bendahara Pahang. Ia bermula dengan kemangkatan Bendahara Tun Ali kemudiannya digantikan oleh Tun Mutahir pada tahun 1857 yang memerintah sehingga tahun 1863 (Linehan, 1936) Semasa pemerintahan Bendahara Tun Mutahir pergolakan mula berlaku antara baginda bendahara dengan Tun Ahmad yang merupakan saudaranya sendiri. Perang saudara ini memakan masa yang panjang dan menghabiskan masa keemasan pertengahan abad ke- 19 Masihi yang sepatutnya dipenuhi dengan pengukuhan kuasa negeri Pahang itu sendiri. Perbalahan antara Tun Mutahir dan Tun Ahmad berakhir dengan kemenangan di pihak Tun Ahmad. Tun Ahmad kemudiannya ditabalkan dengan gelaran Bendahara Ahmad pada tahun 1863 dan kemudiannya diisytiharkan sebagai Sultan Ahmad pada 6 Ogos 1882. Manakala pada 12 Disember 1884 Sultan Ahmad telah, ditabalkan sebagai Sultan Ahmad al-Muazzam Shah Ibn al Marhum Bendahara Ali (Mujani et al, 2014)

---

<sup>3</sup> <http://Diraja.pahang.my> portal diraja "Sejarah Kesultanan Melayu pahang", 1 Mei 2021, 1.30 pm

<sup>4</sup>

Apabila berlaku peristiwa pemberontakan Pahang tersebut, watak Sultan Ahmad menjadi tumpuan semua pihak terutama penajah British dan seluruh rakyat negeri Pahang. Rakyat menjadi tertanya-tanya apakah pendirian sebenar Sultan Ahmad ketika berhadapan dengan penajah British dan para pembesar yang bangkit menentang kedatangan British. Semua ini mempamerkan kebesaran jiwa dan kredibiliti tertinggi Sultan Ahmad sebagai seorang ketua negeri. Membaca keseluruhan perjalanan peristiwa pemberontakan Pahang boleh membawa kita menyelami jiwa dan gelodak hati baginda sebagai seorang pemerintah. Penajah British berkuasa penuh dan hadir dengan penuh tipu muslihat dan ancaman. Manakala Sultan Ahmad yang sekian lama memerintah secara tradisi berada dalam keadaan dilema antara menjaga kedudukan baginda dan kasih sayangnya terhadap rakyat jelata.<sup>5</sup>

### **1.3 Objektif Kajian**

Objektif Kajian ini adalah untuk:

1. Mengkaji sejarah Kesultanan Melayu di Negeri Pahang.
2. Mengenal pasti sumbangan Sultan Ahmad Shah dalam pemerintahan Islam di negeri Pahang
3. Menganalisis kepimpinan Sultan Ahmad Shah dalam pemerintahan Islam di negeri Pahang.

### **1.4 Persoalan Kajian**

1. Bagaimanakah sejarah Kesultanan Melayu di Negeri Pahang.
2. Apakah sumbangan Sultan Ahmad Shah dalam pemerintahan Islam di negeri Pahang.
3. Bagaimanakah kepimpinan Sultan Ahmad Shah dalam pemerintahan Islam di negeri Pahang.

---

<sup>5</sup> Kredibiliti Sultan Ahmad dalam Peristiwa Pemberontakan Pahang 1891-1895 ( tesis Kredibiliti Sultan Ahmad dalam Peristiwa Pemberontakan Pahang (1891-1895) Amnah Saayah Ismail Jabatan Kenegaraan Kepemimpinan dan Ketamudunan, Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Burhanuddin Jalal Jabatan Kenegaraan Kepemimpinan dan Ketamudunan, Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia. Nurhana binti Mohamad Rafiuddin Jabatan Pengurusan Sumber Manusia, Fakulti Pengajian dan Pengurusan PertahananUniversiti Pertahanan Nasional Malaysia, Nasirah binti Abdullah Jabatan Pengurusan Sumber Manusia, Fakulti Pengajian dan Pengurusan PertahananUniversiti Pertahanan Nasional Malaysia

## **1.5 Kepentingan Kajian**

Kajian ilmiah ini merupakan satu usaha untuk melihat sejarah tentang Kesultanan Melayu Pahang. Kajian ini akan mengupas aspek berkaitan dengan sumbangan dan kepimpinan Sultan Ahmad Shah di Negeri Pahang mengetahui peranan dalam perkembangan Islam Negeri Pahang. Kajian ini juga dilakukan untuk membantu pihak kerajaan Pahang mendapatkan data terkini berkaitan dengan sultan Ahmad Shah.

## **1.6 Skop Kajian**

Skop kajian ini hanya fokus kepada Sumbangan Sultan Ahmad Shah di Negeri Pahang dalam perkembangan Islam di negeri Pahang. Ini bertujuan bagi mengetahui dan mengenalpasti peranan Sultan dalam perlombagaan dan peranan sultan dalam memelihara keharmonian.

## **1.7 Metodologi Kajian**

Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif dengan penekanan kepada analisis kandungan dan kajian kepustakaan. Kaedah ini memerlukan pengkaji menggunakan bahan-bahan seperti buku, artikel jurnal, dokumen dan lain-lain lagi serta perlu menganalisis bahan-bahan tersebut. Pemilihan kaedah ini juga disebabkan tiada pengukuran atau teknik statistik dan penemuan yang dihasilkan juga tidak melalui prosedur statistik atau cara kaedah kuantiti yang lain. Bagi menganalisis kredibiliti Sultan Ahmad Shah dalam pemerintahan negeri Pahang, kajian ini memilih analisis kandungan sebagai reka bentuk kajian. Secara terperincinya ia merupakan keperluan kajian untuk mendapatkan data dan maklumat berkaitan melalui bahan-bahan yang terdapat di perpustakaan. Segala maklumat yang diperoleh digunakan terutamanya untuk menyokong, menambah dan memperdalam pengetahuan pengkaji supaya kefahaman terhadap tajuk kajian dapat dikuasai.

## **1.8 Difinisi Operasional Kajian**

- a. **Sumbangan-** Menurut Kamus Dewan edisi keempat bermaksud sesuatu yg diberikan sebagai bantuan kepada keramaian dan lain-lain. Ianya juga boleh diertikan sebagai suatu bantuan atau pertolongan yg diberikan. Sumbangan boleh diberikan oleh sesiapa sahaja dan sama ada dalam skala yang kecil mahupun besar. Ianya merupakan sesuatu yang memberikan perubahan mahupun pembaharuan serta peningkatan dalam sesuatu aspek dalam kehidupan manusia. Sultan menurut kamus dewan edisi keempat pula bermaksud seorang raja yang memerintah. Manakala kesultanan pula membawa maksud sebagai kawasan mahupun wilayah yang diperintah oleh sultan, kerajaan, mahupun negeri di bawah pemerintahan sultan. Sultan merupakan gelaran bagi pemerintah tertinggi di Malaysia terutamanya dalam aspek agama dan ianya terdapat di beberapa negeri di bahagian semenanjung Malaysia yang terdiri daripada kesultanan negeri Pahang, Terengganu, Kedah dan lain- lain. Sumbangan Sultan Ahmad Shah meliputi dan merentasi pelbagai sektor dan aspek terutamanya di negeri Pahang. Almarhum yang merupakan sultan ke- 5 di negeri Pahang banyak memberikan sumbangan kepada rakyat negeri Pahang dalam pelbagai sektor. Sumbangan ini telah banyak mengubah dan memperbaiki pelbagai fasiliti di negeri ini dengan tujuan untuk kemudahan rakyat. Aspek pendidikan, agama, pengangkutan, sukan dan pelbagai sektor lain telah melakar dan menunjukkan perubahan dan peningkatan hasil sumbangan almarhum. Dalam sejarah pemerintahan almarhum, negeri Pahang telah banyak mencatatkan perubahan yang ketara dan ianya telah menjadi bukti hasil usaha almarhum sepanjang tempoh tersebut. Perubahan dan peningkatan hasil sumbangan almarhum dapat dilihat sehingga ke hari ini.
- b. **Sultan Ahmad Shah** – Sultan Ahmad merupakan pemerintah pertama negeri Pahang yang memakai gelaran sultan diawal namanya. Sebelum bergelar sultan, baginda dikenali sebagai Bendahara Wan Ahmad. Baginda mempunyai pengikut yang ramai termasuk pembesar yang setia disampingnya. Dato' Bahaman, Tok Gajah, Maharaja Perba Jelai bukan nama asing sebagai penasihat sultan yang utama. Pemerintahan tradisi di Pahang menyebabkan rakyat dan para pengikutnya memberi kesetiaan yang tidak berbelah bahagi kepada Sultan Ahmad. Justeru kedatangan penjajah British begitu menjelaskan hubungan dua hala antara raya dan pemerintah. Maka tidak hairanlah perasaan yang dipendam rakyat dan para pembesar mencetuskan sebuah peristiwayang besar iaitu peristiwa pemberontakan Pahang. Berhadapan dengan peristiwa pemberontakan Pahang tersebut menampilkkan kredibiliti hebat Sultan Ahmad dalam menangani

situasi genting di negeri Pahang sekitar tahun 1891 sehingga 1895. Justeru antara kredibiliti Sultan Ahmad yang akan dibincangkan berdasarkan perjalanan kisah peristiwa pemberontakan Pahang ialah bijaksana, tenang, tegas, bersiap siaga, prihatin, pengasih dan berpandangan jauh.<sup>6</sup>

**c. Perkembangan Islam-** Masyarakat Melayu traditional terbahagi kepada dua kelas umumnya, iaitu kelas pemerintah dan kelas yang diperintah. Kelas yang penting adalah kelas pemerintah yang terdiri daripada sultan-sultan dan para pembesar, manakala kelas yang diperintah adalah masyarakat umum. Oleh itu, selaku pemimpin yang berkuasa, Sultan dapat membentuk corak kehidupan masyarakat (Nik Abdul Aziz, 1980). Ironinya kedatangan Islam ke Tanah Melayu mahupun nusantara kebanyakannya adalah melalui institusi raja. Contohnya; Al-Sultan Makhdum Ala Uddin Malik Muhammad Amin Syah 11 pemerintah Perlak telah mengahwinkan puteri pertamanya, “Puteri Ratna Kamala” dengan Raja Melaka al-Sultan Muhammad Syah dan puteri keduanya “Puteri Ganggang” dengan al-Malikus saleh Meurah Silu (Merah Silu) Sultan Samudra Pasai (WanHussein, 1980). Perkahwinan ini telah menunjukkan salah satu usaha penghubung antara kerajaan Islam melalui institusi raja bahkan sebagai salah satu medium pengembangan Islam di Nusantara Selain itu, Sultan Muhammad Syah telah berusaha mengembangkan Islam, sehingga memberi kesan kepada sekitar Semenanjung TanahMelayu. Usaha Sultan Muhammad Syah dibantu oleh Pengiran Malik Abdul Aziz Syah (A. Hasjimy, 1974). Contoh lain; Maharaja Sriwijaya, Sri Indravarman (pada 718 Masihi) pernah mengirimkan surat kepada khalifah Umar bin Abdul Aziz. Potongan surat tersebut berbunyi (Azyumardi, 1995)

Daripada Raja kepada sekalian Raja yang merupakan keturunandari seribu Raja- Raja, yang permaisurinya juga merupakancucu kepada seribu Raja-Raja, yang taman haiwanya mengandungi seribu gajah, yang di dalam wilayahnya terdapatdua sungai yang mengairi pohon jadam, rempah wangi, buahpala dan limau nipis yang aromanya tersebar sejauh 12 batu. Ke hadapan Raja Arab yang tidak menyembah tuhan-tuhan yang lain selain Allah. Aku telah mengirim padamu satu hadiah yang tidak seberapa sebagai tanda persahabatan. Aku mohon agar kamu menghantar padaku seseorang yang boleh mengajarku tentang Islam dan menerangkan padaku undang-undangnya. Melalui kuasa dan kedudukannya sebagai raja mampu berinteraksi

---

<sup>6</sup> Kredibiliti Sultan Ahmad dalam Peristiwa Pemberontakan Pahang 1891-1895 ( tesis Kredibiliti Sultan Ahmad dalam Peristiwa Pemberontakan Pahang (1891-1895) Amnah Saayah Ismail Jabatan Kenegaraan Kepemimpinan dan Ketamudunan, Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Burhanuddin Jalal Jabatan Kenegaraan Kepemimpinan dan Ketamudunan, Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia. Nurhana binti Mohamad Rafiuddin Jabatan Pengurusan

dengan Khalifah Islam lantaran berupaya untuk membawa dan mengembangkan Islam di Nusantara.

Dalam rentetan sejarah kesultanan Islam, terbukti telah ramai raja yang membantu mengembangkan dakwah Islam di Nusantara. Contohnya ialah seperti al-Malik al-Zahir (1326-1346) di Pasai, Sultan Muzafar Syah (1530-1594) di Patani, Sultan Saiful Rijal (1578-1589) di Brunei, Sultan Iskandar Muda (1607-1636) di Aceh, Sultan Muhammad Jiwa di Kedah (1710-1760), Sultan Azimuddin (1735-1748) di Sulu selatan Filipina, Sultan Iskandar Zulqarnain (1756-1780) di Perak, Sultan Muhammad II (1837-1886) di Kelantan dan Sultan Zainal Abidin III (1888-1918) di Terengganu. Kesemua mereka didapati berusaha menghayati, mengamalkan dan seterusnya menyebarkan agama Islam di Nusantara. Mereka juga telah memainkan peranan utama dalam menegakkan dasar-dasar Islam dalam sistem bernegara (Bharuddin t.t.) Seterusnya, di Semenanjung Tanah Melayu sejarah telah membuktikan peranan Sultan dalam mempertahankan Islam. Pada tahun 1791, Sultan Abdullahdi Kedah telah mengisyiharkan ‘jihad’ terhadap British. Islam merupakan faktor penentu bagi Sultan Kelantan dan Sultan Terengganu menghantar angkatan tentera membantu Patani dari serangan Siam dalam tahun 1832. Peperangan Naning, Peperangan Perak, dan penentangan terhadap Britishdi Pahang (Raja Nazrin Shah, 2007). Begitu juga Kesultanan Pahang, setiap legasi tidak kira ketika dalam taklukan Melaka, Acheh dan Johor, sultan-sultan yang memerintah negeri Pahang memainkan peranannya dalam penyebaran dan pengembangan Islam kepada masyarakat. Makalah ini melihat pengembangan Islam di Pahang melalui dimensi dan perspektif yang berbeza.<sup>7</sup>

**d. Negeri Pahang-** Dalam catatan sejarah pengembara zaman dahulu, pelbagai nama telah diberikan kepada Pahang. Pada zaman dahulu, Pahang disebut dengan pelbagai nama oleh penduduk tempatan mahupun penduduk tanah asing. Dalam catatan Cina pula, mereka menyebut Pahang sebagai ‘Pan-Pan’, ‘Peng Keng’, ‘Peng-Feng’, ‘Pang Hang’ atau ‘Fong-Fong’. Dalam bahasa Khmer perkataan Pahang disebut ‘timah’. Dalam Hikayat Hang Tuah dan lain-lain catatan lama, Pahang dirujuk sebagai ‘Indera Pura’ dan ibu negerinya ialah Pekan. Dalam catatan sejarah pengembara zaman dahulu, pelbagai nama telah diberikan kepada Pahang. Daripada unsur Arab dan Eropah, Pahang pernah disebut sebagai ‘Pam’, ‘Pan’, ‘Paam’, ‘Paon’, ‘Phaan’, ‘Phang’, ‘Pahan’, ‘Phaun’ atau ‘Pahangh’. Dalam penulisan Melayu lama pula, Pahang dikenali sebagai

---

<sup>7</sup> Peranan sultan dalam perkembangan islam di negeri pahang (The role of sultan in spreading islam instate of pahang) tesis oleh Muhammad Ikhlas Rosele Rahimin Affandi Abd Rahim Wan Zailan Kamaruddin Wan Ali Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya

Inderapura. Disamping itu, ada juga yang memberikannya gelaran Zamin Eran. Gelaran ini timbul berpandukan Syair Juragan Budiman. Kononnya menurut syair itu, Zamin Tauran merujuk kepada Kelantan, Zamin Ambar kepada Terengganu, dan Zamin Eran kepada Pahang. Akan tetapi, mengikut cerita lisan, nama Pahang itu berasal daripada nama pokok, iaitu pokok mahang. Pokok mahang berkenaan tumbuh di Kampung Tanah Nyiordi Mukim Pedah, Jerantut. Kononnya sebatang pokok mahang tumbuh di tebing sungai yang ketika itu belum bernama. Pokok itu tumbuh dengan cepat, menjadi sebatang pokok yang amat besar dan tinggi. Tidak ada pokok di seluruh negeri Pahang yang boleh menandinginya. Pokok mahang yang tinggi dan besar itu bukan sahaja dapat dilihat oleh penduduk di sekitarnya tetapi juga oleh pemerintah Pahang yang pada ketika itu bersemayam di Pekan. Pokok mahang itu juga dapat dilihat dari Laut Cina Selatan lalu dijadikan pedoman oleh nelayan-nelayan dan juga pedagang yang belayar di situ. Pemerintah Pahang pada ketika itu amat risau dengan keadaan pokok mahang yang boleh dijadikan pedoman pelayaran itu. Baginda terus memanggil pembesar-pembesar negeri untuk masuk mengadap. “Tujuan beta memanggil kamu sekalian ialah untuk menyelesaikan masalah pokok mahang itu. Beta bimbang kalau-kalau pokok itu dijadikan pedoman oleh lanun atau musuh kita untuk menyerang negeri ini,” titah baginda. Dalambahasa Khmer, perkataan ‘pahang’ bermakna ‘timah’. Pada masa dahulu banyak lombong bijih timah diusahakan di Pahang, terutama di sekitar Sungai Tembeling. Mungkin dari perkataan Khmer itulah timbulnya nama Pahang.<sup>8</sup>

## 1.9 Kajian Lepas

Menurut Amnah Saayah Ismail at. al, Kredibiliti Sultan Ahmad dalam Peristiwa Pemberontakan Pahang (1891-1895), melihat nilai-nilai kepimpinan dan kredibiliti baginda sebagai seorang sultan yang disayangi rakyat. kajian ini menggunakan analisis kandungan dan kajian kepustakaan sebagai metodologi. Menerusi penulisan ini didapati bahawa Sultan Ahmad merupakan seorang sultan yang pintar dan disayangi seluruh rakyat Pahang. Baginda dilihat berdolak dalik dengan pelbagai alasan sehingga berjaya melengahkan kemasukan kuasa British ke atas Pahang. Bagi kajian Muhammad Ikhlas Rosele, Rahimin Affandi Abd Rahim, Wan Zailan Kamaruddin Wan Ali, Peranan Sultan Dalam Perkembangan Islam Di Negeri Pahang, Jurnal Pengajian Melayu, Jilid 29, 2018, artikel ini cuba melakukan analisis mengenai Kesultanan Pahang dan peranannya dalam penyebaran Islam di negeri Darul Makmur tersebut. Artikel ini melihat peranan tersebut

---

<sup>8</sup> [http://Negeri pahang asal usul nama negeri pahang](http://Negeri%20pahang%20asal%20usul%20nama%20negeri%20pahang). Sumber, Buku Salasilah, oleh Mohd. Roselan Ab Malek (Cetakan Prisma 1993) 6 september 2021, 11:32 am

dari beberapa sisi antaranya, hubungan sultan dengan ulama', Hukum Kanun Pahang, peranan Sultan dalam perlembagaan dan peranan sultan dalam memelihara keharmonian agama Islam. Menurut Halim Ibrahim dalam bukunya yang berjudul Raja dan rakyat berpisah tiada KDYMM Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Muadzam Shah / Dato' Halim Ibrahim. Beliau merungkai secara terperinci bagaimana raja-raja keseluruhannya termasuk peranan Sultan Ahmad Shah yang berjaya menyatupadukan rakyat di negara ini. karya ini juga secara tidak langsung mendedahkan formula disebalik kemajuan yang dicapai oleh negeri Pahang serta persepsi rakyat terhadap Raja Pemerintah dan persepsi daripada kacamata Raja Penerintah terhadap rakyatnya.

Menurut Wan Ahmad Fauzi Wan Husain dalam kajiannya yang berjudul Kerajaan Pahang antara Kerajaan Terawal, sangkaan bahawa Pahang yang tertubuh sejak 150 tahunlalu merupakan sebuah kerajaan baharu berdasarkan peristiwa Pemangku Raja Pahang iaitu Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah yang dipilih sebagai Sultan Pahang yang keenam. Namun sebaliknya, sejarah mencatatkan bahawa Pahang sebenarnyamerupakan antara kerajaan terawal awal di Tanah Melayu. Seorang pengarang Arab, Mas'udi menulis dalam bukunya yang berjudul Muruj Al-Dhahab mengenai keadaan dansifat masyarakat yang dilihatnya pada ketika itu. Ahli sejarah merumuskan 'Fanjab' dalam tulisan Arab itu dimaksudkan 'Panghang' atau 'Panhang', menyerupai sebutan 'P'eng-h'eng' oleh sumber China, iaitu Pahang mengikut ejaan hari ini (Buyong Adil, 1972). Melalui pernyataan inilah, membuktikan bahawa Pahang sebenarnya sebuahkerajaan yang masyhur dalam pengeluaran emas, perak dan timah seawal abag ke-10 lagi. Menurut Godinho de Eradia (1613), Pahang adalah Kerajaan Melayu kedua mengantikan Pattani di Tanah Melayu. Raja Pahang ialah Raja Melayu dan kerajaannya menghasilkan mutu emas terbaik dan pengeluar terbesar di Tanah Melayu, sebelum Empayar Kesultanan Melayu Melaka.<sup>9</sup> Seterusnya, dengan kedatangan Islam di Pahang telah dikesan dan ini sekaligus membantu dalam penyelidikan dan kajian yang lebih mendalam mengenainya. Dalam kajian tersebut yang menggunakan perlaksanaan pelbagai metode kajian, didapati terdapat beberapa kenyataan dan bukti yang menunjukkan Islam datang ke Pahang lebih awal daripada melalui Kesultanan Melayu Melaka.<sup>10</sup>

---

<sup>9</sup> "Kesultanan Pahang antara kerajaan terawal" Penulis adalah pemegang PhD Undang-Undang Perlembagaan (Konsep Kedaulatan Raja-Raja Melayu) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) & Penasihat Gabungan Melayu Islam Beraja (MTRAJ)

<sup>10</sup> "Kesultanan Pahang antara kerajaan terawal" Penulis adalah pemegang PhD Undang-Undang Perlembagaan (Konsep Kedaulatan Raja-Raja Melayu) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) & Penasihat Gabungan Melayu Islam Beraja (MTRAJ)

## **1.10 Kesimpulan**

Walaupun secara umumnya, walaupun kerajaan di negeri Pahang telah lama wujud, namun corak pemerintahan Kesultanan Melayu Islam di negeri Pahang wujud selepas terbentuknya Kerajaan Islam di Melaka. Susur jalur pemerintahan Kesultanan Pahang dimulai oleh putera kepada Sultan Mansur Shah, Melaka. Sultan Ahmad Shah yang merupakan Sultan ke-? Dalam Kesultanan Pahang merupakan seorang figure tokoh yang menjadi sorotan kajian ini. Persoalan dan skop kajian dirungkaikan melalui beberapa metode kajian yang telah dipilih bagi memperolehi data yang tepat dan sahih. Sememangnya, Sultan Ahmad Shah menjadi sorotan rakyat apabila berlakunya peristiwa pemberontakan di Pahang pada tahun 1891 hingga 1895. Kepimpinan almarhum sebagai seorang Sultan dan pemerintah tertinggi di negeri Pahang yang berjaya menghadapi krisis tersebut membuktikan bahawa almarhum merupakan seorang sultan yang bijaksana dan disayangi oleh seluruh rakyat negeri Pahang. Menurut kajian-kajian lepas yang telah dilakukan oleh Muhammad Ikhlas Rosele, Rahimin Affandi Abd Rahim dan Wan Zailan Kamaruddin Wan Ali dalam jurnal kajian mereka yang bertajuk Peranan Sultan dalam Perkembangan Islam di Negeri Pahang menyatakan bahawa peranan Sultan dalam sejarah Kesultanan Pahang berhubung kait dengan hubungan sultan dengan para ulama', hukum kanun Pahang serta peranan sultan dalam perkembangan dan pemeliharaan keharmonian agama Islam. Godinho de Eradia (1613) pula menyatakan bahawa Pahang merupakan kerajaan Melayu kedua yang menggantikan Pattani di Tanah Melayu dan kerajaan ini menghasilkan mutu emas terbaik dan pengeluar terbesar di Tanah Melayu, sebelum Empayar Kesultanan Melayu Melaka. Tuntasnya, Sultan Ahmad Shah dan Kesultanan Negeri Pahang merupakan seorang pemimpin daripada sebuah kesultanan yang unggul suatu ketika dahulu. Sumbangan Sultan Ahmad Shah sepanjang pemerintahan Almarhum telah banyak mempengaruhi perubahan-perubahan yang berlaku dalam kesultanan ini.

## BAB 2

### SEJARAH KESULTANAN MELAYU PAHANG

#### 2.1 Pendahuluan

Sejarah kedatangan Islam di Pahang Sebelum didirikan kerajaan Melayu Melaka, wilayah bahagian selatan Semenanjung Tanah Melayu semuanya termasuk dalam kawasan kerajaan Pahang. Orang Jawa Majapahit zaman dahulu menyebut Semenanjung Tanah Melayu sebagai Pahang. (W. Linehan, 1936: 11), Kedatangan Islam ke Pahang telah menerima pengaruh Islam sebelum terbentuknya Kerajaan Melayu Melaka lagi. Beliau mengatakan bahawa, Pekan merupakan tempat yang sangat strategik bagi pedagang-pedagang Arab yang sampai di Negeri Pahang bagi menjalankan kegiatan berdagang dan penyebaran agama Islam. (Buyong Adil, 1982: 41) ini dibuktikan dengan penemuan makam-makam keturunan orang Syed yang datang dari Hadaral maut yang sudah sampai di Pekan sebelum abad ke-15 Masihi lagi. (Fatwa, 1999: 14) Ini diperkuahkan lagi dengan penemuan Batu Nesan di Permatang Pasir, Pulau Tambun, Pekan yang juga dikenali dengan “Keramat Teluk Cik Munah” mencatatkan tarikh wafat seorang insan yang dikebumikan di kubur berkenaan iaitu pada hari Rabu 14 hari bulan Rabiulawwal tahun 419 Hijrah bersamaan tahun 1028 Masihi. Yaakob Isa(2004: 3) menjelaskan bahawa mengikut pengesahan yang dibuat oleh pihak Muzium Sultan Abu Bakar Pahang, Jabatan Agama Islam Pahang, para pengkaji yang terdiri daripada golongan akademik sarta mereka yang mahir dalam bidang kajian sejarah. Maka timbulah persoalan dan polemik baru mengenai kedatangan Islam di Tanah Melayu ini bermakna kedatangan Islam ke negeri Pahang lebih awal daripada negeri Terengganu berdasarkan penemuan batu bersurat di Kuala Berang iaitu pada 1303 Masihi. Menurut catatan (Mahayudin Yahya, 1984: 75-84), ahli sejarah telah terjumpa kuburkepunyaan seorang wali Allah yang berbangsa Arabdi Pekan yang dipercayai seorang tokoh besar Islam yang berdagang dari Negeri Arab ke rantau Asia. Manakala (Zakaria Ahmad, 1971: 44) mejelaskan dengan ikatan persaudaraan sesama Islam, aktiviti dakwah Islamiah giat dijalankan serta banyak kitab dan penulisan agama oleh ulamak Aceh disebarluaskan ke Pahang. Bahkan dipercayai bahawa Syeikh Hamzah Al-Fansuri pernah sampai ke Pahang dalam pengembaraannya ke Banten, Baitulmaqdis, Siam, Makkah dan Baghdad untuk menuntut ilmu agama dan menyebarkan dakwah Islamiah. Ini menunjukkan pada awal kedatangan Islam ke Pahang telah berlakunya dakwah kepada golongan pembesar Pahang.

Menurut (Mohd Taib bin Hassan, 2001:136-144) sehingga ke hari ini, gerakan dakwah diteruskan dan didokong oleh golongan agama yang terdiri daripada ulamak tempatan, para ilmuan, cendiakawan dan orang perseorangan serta dari badan-badan dakwah kerajaan dan bukan kerajaan di Pahang. Pelbagai metode dakwah telah dijalankan di Pahang oleh pendakwah sama ada secara organisasi ataupun secara perseorangan. Kaedah dakwah juga adalah berlainan antara setiap organisasi dan pendakwah. Namun demikian usaha-usaha dakwah berjalan dengan baik mengikut cara masing-masing supaya dakwah dapat terus tersebar di dalam kalangan golongan profesional dengan pelbagai pendekatan dan aktiviti dakwah yang berkesan.<sup>11</sup>

## 2.2 Sejarah Kesultanan Pahang

Negeri Pahang terletak di bahagian tengah membawa ke timur Semenanjung Tanah Melayu. Ia bersempadan dengan Laut China Selatan di timur, negeri Kelantan dan Terengganu di utara, Perak, Selangor dan Negeri Sembilan di barat, dan Johor diselatannya. Negeri Pahang merupakan negeri yang terbesar dengan gunung tertinggi serta sungai terpanjang di bahagian Semenanjung Tanah Melayu (Malaysia), merupakan sebuah negeri yang tertua selepas Patani (sekarang dalam wilayah Thailand), iaitu lebih tua dari Melaka. Pada zaman dahulu, kerajaan Negeri Pahang meliputi hujung tanah hingga ke Singapura. Raja Pahang juga mempunyai talian persaudaraan melalui perkahwinan dengan Parameswara, iaitu Raja pertama yang membuka Negeri Melaka. Corak pemerintahan Kesultanan Melayu Islam di negeri Pahang wujud selepas terbentuknya Kerajaan Islam di Melaka walaupun kerajaan di negeri Pahang telah lama wujud. Sultan Pahang yang pertama merupakan putera kepada Sultan Mansur Shah yang memerintah Melaka (c.1470M). Untuk pengetahuan semua pembaca, Kesultanan Melayu Pahang dibahagikan kepada beberapa peringkat. Pada peringkat pertama, pemerintahan Siam di Pahang telah diserang dan diambil alih oleh kerajaan Melaka. Maharaja Dewa Sura telah ditawan dandibawa ke Melaka, manakala puterinya, Puteri Onang Seri telah dikahwini oleh Sultan Mansur Shah dan mendapat 2 orang putera iaitu Raja Muhammad dan Raja Ahmad.

Kemudian berlaku satu peristiwa di mana pembunuhan anak Bendahara Paduka Raja Tun Perak yang bernama Tun Besar telah ditikam kerana menjatuhkan destar Raja Muhammad yang sedang berkuda. Anak Bendahara Paduka Raja Tun Perak yang bernama Tun Besar ketika itu sedang bermain sepak raga. Pertelagahan kedua-dua keluarga segera ditegah oleh Bendahara Tun Perak

---

<sup>11</sup> <http://Diraja.pahang.my> portal diraja “Sejarah Kesultanan Melayu pahang” 15 september 2021, 8:27pm

dengan katanya yang masyhur “Nyiah! Nyiah kamu semua, nyiah kerana istiadat hamba Melayu tiada pernah derhaka. Tetapi akan anak raja seorang ini janganlah kita pertuan”. Oleh sebab peristiwa itu, Raja Muhammad telah ditolak dari bumi Melaka dan dirajakan di Pahang sebagai sultan yang pertama, bergelar Sultan Muhammad Shah (c. 1470). Sultan Muhammad Shah memerintah Negeri Pahang selama 5 tahun (1470-1475) dan mangkat pada 1475 dan dikebumikan di Dusun Pinang, Pahang Tua, Pekan.<sup>12</sup> Raja Ahmad menyusul menjadi Sultan Pahang setelah kemangkatan Sultan Muhammad Shah. Dari keturunan baginda kedua inilah wujudnya dinasti pertama Kesultanan Pahang dari Kesultanan Melaka sehingga ke Sultan Abdul Ghafur Mohayuddin Syah.

Dinasti ini tamat di negeri Pahang setelah Sultan Abdul Ghafur Mohayuddin Syah dan anakanda baginda, Raja Muda Abdullah dibunuh oleh seorang anggota keluarganya yang turut menerima hukuman yang sama (c. 1614). Makam keluarga diraja ini terdapat di Makam Chondong, Padang Buluh, Pekan. Kesultanan di Johor telah mengambil alih pemerintahan di Pahang tetapi telah diserang oleh kerajaan Aceh di bawah pemerintahan Sultan Iskandar Muda (Mahkota Alam). Kerajaan Aceh juga melanggar Johor Lama khususnya di Batu Sawar membawa bersama Sultan Alauddin Ri’ayat Shah serta Bendahara Paduka Raja Tun Mohamad atau dikenali juga sebagai Tun Seri Lanang bersama-sama puluhan ribu rakyat Johor dan Pahang ke Aceh. Seorang Puteri Pahang, Puteri Kamaliah dan anak saudaranya Raja Mughal, putera kepada Raja Ahmad turut dibawa ke Aceh. Puteri Kamaliah dikahwini oleh Sultan Iskandar Muda dan terkenal dalam sejarah dan puisi (nazam) di Aceh hingga hari ini sebagai Putera Pahang. Raja Mughal telah dijadikan anak angkat dan menantu kepada Sultan Iskandar Muda dan kemudiannya ditabalkan sebagai Sultan Aceh bergelar Sultan Iskandar Thani. Sultan Iskandar Thani memerintah Aceh pada tahun 1638 sehingga ke tahun 1641. Setelah kekuasaan Aceh bertambah reda di Johor dan Pahang dengan kemangkatan sultan serta ketiadaan zuriat Sultan Pahang, maka Pahang telah diletakkan di bawah satu wilayah pemerintahan berpusat di Johor dan Pahang diletak di bawah jagaan Bendahara. Ketika waktu ini, dinasti Kesultanan Negeri Pahang yang berpusat di Johor adalah dalam dinasti yang sama iaitu dari keturunan Sultan Melaka yang berasal dari Sultan Muhammad Shah hingga ke Sang Nila Utama, raja yang bermula di Palembang turun ke Bentan, Singapura dan membuka kerajaan di Melaka.<sup>13</sup>

Pemerintahan dinasti ini telah berakhir dengan mangkatnya Sultan Mahmud Shah ke-2 di Kota Tinggi pada Ogos 1699 yang telah dibunuh oleh Laksamana Bentan Megat Seri Rama.

<sup>12</sup> [http “Negeri pahang sejarah kesultanan melayu negeri pahang.”](http://Negeri%20pahang%20sejarah%20kesultanan%20melayu%20negeri%20pahang) 24 september 2021, 2:36 pm

<sup>13</sup> [http “Negeri pahang sejarah kesultanan melayu negeri pahang”](http://Negeri%20pahang%20sejarah%20kesultanan%20melayu%20negeri%20pahang) 24 september 2021, 2:36 pm

Pemerintahan kerajaan Pahang seterusnya telah digantikan oleh keluarga dan keturunan yang terkanan dan yang terdekat iaitu keluarga bendahara, Bendahara PadukaRaja Tun Abdul Jalil. Ini kerana Sultan Mahmud Shah ke-2 atau Marhum Mangkat Dijulang tidak mempunyai zuriat. Bendahara Paduka Raja Tun Abdul Jalil bergelar Sultan Abdul Jalil Ri'ayat Shah ke-4 (Marhum Mangkat di Kuala Pahang), adalah anak kepada Bendahara Seri Maharaja Tun Habib Abdul Majid.<sup>14</sup> Salasilah Kesultanan Pahang Moden pada hari ini bersusur galur daripada dinasti Bendahara Johor seperti diperihalkan di atas. Pahang diletakkan di bawah pemerintahan Bendahara bermula 1770 apabila Temenggong Tun Abdul Majid, iaitu anak Bendahara Tun Abbas diangkat sebagai Bendahara bagi Pahang. Dinasti ini terus kekal memerintah Kerajaan Johor-Riau-Pahang. Pada penghujung pemerintahan kerajaan ini, Raja bersemayam di Riau (Bentan), Bendahara di Pahang, Temenggung di Johor, dengan masing-masing mempunyai kuasa mutlak dalam pemerintahan, kecuali dalam pelantikan baru Bendahara dan Temenggung dari kalangan zuriat masing-masing. Akibat campur tangan Belanda dan British melalui Perjanjian Inggeris-Belanda pada tahun 1824, hilanglah kekuasaan Riau ke atas wilayah Johor dan Pahang. Maka, Pahang dan Johor telah menjadi negeri berdaulat dan seterusnya melantik pemerintahan wilayah masing-masing sebagai sultan.

Pada 6 Ogos 1882, Bendahara Wan Ahmad diusulkan pembesar baginda untuk memakai gelaran Sultan Pahang, sekali gus menjadi Sultan Pahang pertama dalam Kesultanan Pahang Moden. Gelaran baginda adalah Sultan Ahmad Al-Muadzam Shah. Baginda telah mengalahkan kekandanya Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir melalui perang saudara kerana perselisihan keluarga dan menyebabkan rakyat Pahang berpecah- belah untuk seketika. Semasa berundur ke Johor, Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir dan anakandanya Tun Koris telah meninggal dunia di Sedili pada bulan Mei 1863. Wan Ahmad kemudiannya dilantik sebagai Bendahara Siwa Raja dan bergelar sultan pada 6 Ogos 1882. Maka dari zuriat sultan inilah kekal sebagai pemerintahan Kesultanan Pahang hingga hari ini.

---

<sup>14</sup> [http://Negeri pahang asal usul nama negeri pahang.](http://Negeri%20pahang%20asal%20usul%20nama%20negeri%20pahang)” Sumber, Buku Salasilah, Nama Tempat oleh Mohd. Roselan Ab Malek (Cetakan Prisma 1993) 24 oktober 2021, 8:29 pm

## **2.2.1 Sultan Ahmad Al-Mu'azzam Shah Ibni Al-Marhum Bendahara Sri Maharaja**

### **Tun Ali**

Sultan Ahmad al-Mu'azzam Shah telah diputerakan pada hari Isnin, 23 Mei 1836 Masihi bersamaan 6 Safar 1252 Hijrah, di istana ayahandanya di Pulau Maulana, Pekan. Baginda telah dimasyhurkan sebagai Sultan Pahang moden ke-1 pada tahun 16 Ogos 1881 dan secara rasmi dilantik sebagai Kebawah Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan Ahmad al-Mu'azzam Shah pada 25 September 1884. Baginda menuruni takhta kerana usia tua memihak kepada puteranya Sultan Mahmud Shah pada tahun 13 April 1909. Sultan Ahmad al-Mu'azzam Shah telah mangkat pada 9 Mei 1914, setelah memerintah selama lebih kurang dua puluh lima tahun. Baginda mangkat dengan meninggalkan beberapa orang isteri, putera dan puteri, dan telah dimakamkan di Makam Diraja di Kampung Marhum, Kuala Pahang pada 11 Mei 1914.

## **2.2.2 Sultan Mahmud Shah ibni al-Marhum Sultan Ahmad al-Mu'azzam Shah**

Sultan Mahmud Shah ibni al-Marhum Sultan Ahmad al-Mu'azzam Shah atau sebelum ditabalkan lebih dikenali dengan Tengku Long Mahmud, adalah Sultan Pahang moden ke-2. Baginda diputerakan pada hari Jumaat, 4 Februari 1868 Masihi bersamaan 10 Syawal 1254 Hijrah, merupakan perkongsian hidup di antara Sultan Ahmad al-Mu'azzam Shah dengan Che Ungku Pah binti Dato Temenggung Sri Maharaja Tun Ibrahim di Istana Diraja, Pekan Lama. Baginda merupakan putera sulung Sultan Ahmad al-Mu'azzam Shah ibni al-Marhum Bendahara Sri Maharaja Tun Ali. Sultan Ahmad al-Mu'azzam Shahtelah mengangkat puteranya Tengku Mahmud menjadi Pemangku Raja pada 22 Julai 1889 bagi membantu Baginda di dalam urusan pemerintahan negeri.

## **2.2.3 Sultan Abdullah al-Mu'tasim Billah Shah ibni al-Marhum Sultan Ahmad al**

### **Mu'azzam Shah**

Baginda adalah Sultan Pahang moden ke-3. Baginda diputerakan pada hari Khamis, 12 Oktober 1874 Masihi bersamaan 25 Syawal 1296 Hijrah di istana ayahandanya dan bondanya Cik Kusuma Sokma binti Tok Minal Daeng Koro di Istana Diraja, Pekan Lama. Baginda merupakan putera ketiga Sultan Ahmad al-Mu'azzam Shah ibni al-Marhum Bendahara Sri Maharaja Tun Ali. Baginda telah dilantik menaiki takhta kerajaan Negeri Pahang setelah kemangkatan kekanda tiri baginda iaitu Sultan Mahmud Shah ibni al- Marhum Sultan Ahmad al-Mu'azzam Shah.

Baginda telah ditabalkan sebagai Sultan Abdullah al-Mu'tassim Billah Shah ibni al-Marhum Sultan Ahmad al-Mu'azzam Shah pada bulan Mei 1919, di Balairung Seri Istana Seri Terentang, Pekan dengan penuh istiadat.

#### **2.2.4 Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin al-Mu'azzam Shah ibni al-Marhum Sultan Abdullah al-Mu'tasim Billah Shah.**

Baginda merupakan Sultan Pahang moden ke-4. Seterusnya, baginda diputerakan pada hari Ahad, 29 Mei 1904 Masihi bersamaan 14 Rabitul Awal 1322 Hijrah. Baginda juga merupakan putera kedua kepada al-Marhum Sultan Abdullah al-Mu'tassim Billah Shah ibni al-Marhum Sultan Ahmad al-Mu'azzam Shah dengan Che Kalsum binti Abdullah. Baginda memerintah pada tahun 1932 – 1974 dan baginda Mangkat 1974 (umur 69).

#### **2.2.5 Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah ibni Almarhum Sultan AbuBakar Ri'ayatuddin Al-Mu'azzam Shah**

Baginda merupakan Sultan Pahang Moden kelima dari 8 Mei 1974 sehingga baginda turun takhta pada 11 Januari 2019. Setelah itu, baginda dikurniakan gelaran Paduka Ayahanda. Baginda memerintah pada tahun 1974 hingga 2019. Setelah baginda yang kegeringa, baginda menuruni takhta bagi memberi laluan kepada anakanda baginda, Tengku Mahkota Pahang untuk dilantik sebagai Sultan Pahang yang ke-6. Baginda kemudian diberi gelaran Seri Paduka Ayahanda. Ya Allah lanjutkanlah usia dan berilah kesihatan kepada Seri Paduka Ayahanda.

#### **2.2.6 Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibnu Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah**

Baginda diputerakan sebagai Tengku Abdullah pada 30 Julai 1959 di Pekan, Pahang, Malaya). Al-Sultan Abdullah menaiki takhta sebagai Sultan Pahang pada 15 Januari 2019, kemudian dilantik sebagai Yang di-Pertuan Agong Malaysia ke-16 oleh Majlis Raja-raja pada 24 Januari 2019. Baginda melafaz sumpah sebagai Yang di-Pertuan Agong Malaysia pada satu istiadat penuh gilang-gemilang di Istana Negara, Jalan Duta pada 31 Januari 2019. Baginda pada waktu dan juga masa sebelum ini telah menyandangjawatan Sebagai Tengku Mahkota Pahang hampir 44 tahun. Pada tahun 2016, baginda telah dimasyhurkan sebagai Pemangku Raja Pahang setelah mendapat perkenan oleh Sultan Pahang.

### **2.3 Kesimpulan**

Umum mengetahui bahawa corak pemerintahan Kesultanan Melayu Islam di negeri Pahang wujud selepas terbentuknya kerajaan Islam di Melaka. Pemerintahan dalam kesultanan negeri ini memiliki sejarah yang panjang mengenai susur galur sultan-sultan yang pernah memerintah. Namun begitu, Kesultanan Pahang moden bermula dengan Bendahara Wan Ahmad yang memakai gelaran Sultan Pahang. Sultan Ahmad Al-Mu'azzam Shah ibni Al-Marhum Bendahara Sri Maharaja Tun Ali merupakan Sultan Pahang moden yang pertama pada tarikh 16 Ogos 1881. Seterusnya disambung oleh Sultan Mahmud Shah ibni Al-Marhum Sultan Ahmad Shah al-Mu'azzam Shah sebagai sultan kedua, Sultan Abdullah Al-Mu'tasim Billah Shah ibni Al-Marhum Sultan Ahmad Al-Mu'azzam Shah sebagai yang ketiga, Sultan Abdullah Ri'ayatuddin al-Mu'azzam Shah ibni al-Marhum Sultan Abdullah al-Mu'tassim Billah Shah sebagai sultan yang ke-empat, Sultan Haji Ahmad Al-Musta'in Billah ibni Almarhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin al-Mu'azzam Shah sebagai sultan yang ke-lima dan Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah sebagai sultan yang ke-enam kini. Sultan Haji Ahmad Shah yang merupakan sultan kelima Kesultanan Pahang Moden telah mencatatkan pelbagai sejarah peningkatan dan perubahan-perubahan yang menjadikan kesultanan negeri ini masyhur dan dikenali. Ketokohan serta keprihatinan almarhum sebagai sultan dalam jangka masa yang panjang menjadikan almarhum disenangi dan disayangi oleh rakyat jelata. Kedudukan sultan sebagai ketua agama sebagaimana menurut Perlembagaan dan Undang-undang Tubuh Negeri Pahang menzhirkan peranan sultan dalam memastikan kelangsungan pengembangan Islam di Pahang. Kedaulatan Islam di negeri ini dipertahankan melalui institusi Raja di bawah pemerintahan Sultan-sultan dalam sejarah Kesultanan Negeri Pahang.

## BAB 3

### **BIOGRAFI SULTAN AHMAD SHAH MUSTA'IN BILLAH (SULTAN KE-5)**

#### **3.1 Pendahuluan**

Pahang merupakan salah sebuah negeri di Semenanjung Tanah Melayu yang menerima kedatangan penjajah British secara rasminya pada tahun 1888. Perlantikan J. P Rodger merupakan titik mula kepada rasa tidak puas hati, tidak tenteram dan tidak senang dalam kalangan rakyat Pahang. Keadaan tersebut juga memberi tekanan besar ke atas pentadbiran tradisi sedia ada yang diketuai oleh Sultan Ahmad. Sultan Ahmad mempunyai pembesar dan orang kanannya yang tersendiri. Pengenalan sistem-sistem baharu seperti penubuhan pasukan polis, mahkamah dan pembentukan undang-undang baharu juga telah menyebabkan kuasa Sultan Ahmad terhad kepada urusan adat-adat Melayu dan agama Islam sahaja. Sultan Ahmad berusaha menangani kemelut penjajahan dengan begitu teliti. Ia mencerminkan keperibadian baginda sebagai seorang pemerintah tertinggi di negeri Pahang. Kasih sayang baginda terhadap rakyat dan para pembesar jelas terlihat dalam peristiwa pemberontakan Pahang. Peristiwa ini merupakan sebuah peristiwa yang besar dan membuktikan kehebatan orang Pahang dalam sebuah pertempuran. Sokongan dikesepakatan seluruh rakyat Pahang termasuk masyarakat orang asli dapat dilihat sepenuhnya ketika peristiwa pemberontakan ini berlaku. Ia hasil kepimpinan dan keseragaman pentadbiran Sultan Ahmad ketika menaungi kerajaan negeri. Justeru kertas kerja ini akan membincangkan kredibiliti Sultan Ahmad dalam peristiwa pemberontakan Pahang yang akan mengupas peribadi baginda sebelum dan semasa peristiwa pemberontakan berlaku.<sup>15</sup>

---

<sup>15</sup> Kredibiliti Sultan Ahmad dalam Peristiwa Pemberontakan Pahang 1891-1895 ( tesis Kredibiliti Sultan Ahmad dalam Peristiwa Pemberontakan Pahang (1891-1895) Amnah Saayah Ismail Jabatan Kenegaraan Kepemimpinan dan Ketamudunan, Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Burhanuddin Jalal Jabatan Kenegaraan Kepemimpinan dan Ketamudunan, Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia. Nurhana binti Mohamad Rafiuddin Jabatan Pengurusan Sumber Manusia, Fakulti Pengajian dan Pengurusan PertahananUniversiti Pertahanan Nasional Malaysia, Nasirah binti Abdullah Jabatan Pengurusan Sumber Manusia, Fakulti Pengajian dan Pengurusan PertahananUniversiti Pertahanan Nasional Malaysia

### **3.2. Riwayat Hidup Sultan Ahmad Shah**

Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah diputerakan jam 12 tengah hari pada Jumaat, 24 Oktober 1930 di Istana Mangga Tunggal (bersebelahan Istana Kuning, Pekan Lama) Bandar Diraja Pekan. Baginda adalah anakanda ketiga Al-Marhum Sultan Sir Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah Ibni Al-Marhum Sultan Abdullah Al-Mu'tassim Billah dengan Al-Marhumah Tengku Ampuan Besar Pahang Raja Hajjah Fatimah binti Al-Marhum Sultan Iskandar Shah. Baginda memulakan persekolahannya di Sekolah Melayu di Kuala Kangsar, Perak dan melanjutkan pelajarannya ke Maktab Melayu Kuala Kangsar dan turut belajar atas agama di Kuliah Al-lughah Waddin Al-Sultan Abu Bakar, Padang Polo, Pekan. Baginda kemudiannya menyambung semula persekolahannya di Sekolah Clifford, Kuala Lipis melanjutkan pelajaran di Sekolah Persendirian Sussex sebelum memasuki Worcester College, Oxford bagi mengikuti Kursus Pentadbiran Awam dalam tahun 1950.<sup>16</sup> Al-Marhum telah melangsungkan perkahwinan dengan Al-Marhumah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tengku Ampuan Hajjah Afzan binti Tengku Panglima Perang Tengku Muhammad pada 24 April 1954. Perkongsian hidup di antara Al-Marhum dengan Al-Marhumah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tengku Ampuan Hajjah Afzan telah dikurniakan dua orang putera dan lima orang puteri.

Seterusnya, Al-Marhum pernah dilantik beberapa kali menjadi Pemangku Raja ketika Al-Marhum Seri Paduka Ayahanda baginda berangkat ke luar negeri dalam tahun-tahun 1956, 1959 dan 1965. Pada 7 Mei 1974, Al-Marhum telah dimasyurkan sebagai Sultan dan Raja Pemerintah Negeri Pahang dan segala jajahan takluknya menggantikan Al-Marhum Sultan Sir Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah yang mangkat pada 5 Mei 1974. Setelah genap setahun di atas singgahsana takhta Kerajaan Pahang, satu Upacara Istiadat Diraja yang penuh kebesaran telah diadakan di Balairung Seri Istana Abu Bakar, Pekan, Pahang pada 8 Mei 1975. Al-Marhum telah ditabalkan dan dimahkotakan dengan gelaran Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah, Sultan dan Raja Pemerintah Negeri Pahang dan segala jajahan takluknya. Upacara pertabalan tersebut telah dijalankan dengan penuh istiadat tradisi dan penuh berwarna-warni. Bandar Diraja Pekan dihiasi indah bagi memuliakan istiadat yang bersejarah dan penuh makna itu.<sup>17</sup> Al-Marhum Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Ayahanda Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Ibni Al-Marhum Sultan Sir Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah telah dilantik oleh Majlis Raja-Raja Melayu menjadi Yang Dipertuan Agong

<sup>16</sup> [http://diraja.pahang.my/portal/diraja/sejarah\\_kesultanan\\_melayu\\_pahang](http://diraja.pahang.my/portal/diraja/sejarah_kesultanan_melayu_pahang) 6 September 2021 11:36 am

<sup>17</sup> [http://diraja.pahang.my/portal/diraja/sejarah\\_kesultanan\\_melayu\\_pahang](http://diraja.pahang.my/portal/diraja/sejarah_kesultanan_melayu_pahang) 6 September 2021, 11:36 am

ke-VII menggantikan Al-Marhum Kebawah Duli Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Agong yang ke- VI, Sultan Yahya Petra Ibni Al-Marhum Sultan Ibrahim yangtelah mangkat pada 25 April 1979. Sebelum bersemayam selaku Yang Dipertuan Agong, Al-Marhum telah diperkenankan oleh Majlis Raja-Raja Melayu untuk memegang jawatan Timbalan Yang Dipertuan Agong pada 21 September 1975.

Al-Marhum Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Ayahanda Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Ibni Al-Marhum Sultan Sir Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah merasa amat dukacita di atas kemangkatan Al-Marhumah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tengku Ampuan Hajjah Afzan binti Al-Marhum Tengku Panglima Perang Tengku Muhammad pada 29 Jun 1988. Takdir Ilahi ini berlaku hanya 6 hari selepas kemangkatan bonda Al- Marhum. Seluruh rakyat negeri Pahang berkabung selama empat puluh hari di atas kemangkatan ini. Setelah itu, Perkahwinan Al-Marhum dengan Duli Yang Maha Mulia Sultanah Pahang, Sultanah Hajjah Kalsom pada 14 Mac 1991 telah mengubah suasana kemasyghulan yang menyelubungi Al-Marhum atas kembalinya ke rahmat Allah, permaisuri dan bonda yang dicintai. Perkongsian hidup Al- Marhum dengan Duli Yang Maha Mulia Sultanah Pahang Sultanah Hajjah Kalsom telah dikurniakan seorang putera yang dinamakan Tengku Fahd Mu'adzam yang kini bergelar Yang Amat Mulia Tengku Arif Temenggong.<sup>18</sup>

### **3.3. Pendidikan Sultan Ahmad Shah**

Al-Marhum diasuh dan dididik dalam pandangan serta perhatian Paduka Ninda Al- Marhum iaitu DYMM Sultan Iskandar Shah Perak yang bersemayam di Kuala Kangsar, Perak. Al- Marhum Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Ayahanda Sultan Haji Ahmad Shah memulakan persekolahannya di Sekolah Melayu di Kuala Kangsar, Perak. Setelah tamat pelajaran darjah empat Al-Marhum telah melanjutkan pelajarannya ke Maktab Melayu Kuala Kangsar dan ketika itu Al-Marhum baru berusia 10 tahun. Namunbegitu, pelajaran Al-Marhum telah terganggu semasa pemerintahan Jepun di Tanah Melayu pada akhir tahun 1941. Al-Marhum kemudiannya dibawa pulang ke Pahang. Semasa zaman pendudukan Jepun di Tanah Melayu, Al-Marhum telah dihantar belajar asas-asas agama di Kuliah Al-lughah Waddin Al-Sultan Abu Bakar, Padang Polo, Pekan. Al-Marhum kemudiannya menyambung semula persekolahannya di Sekolah Clifford, Kuala Lipis. Di sana, Al-Marhum tinggal di asrama bersama-sama dengan para pelajar lain dan Al-Marhum sendiri tidak mahu dilayan seperti putera raja, sebaliknya Al- Marhum

---

<sup>18</sup> <http://Diraja.pahang.my> portal diraja "Sejarah kesultanan melayu pahang" 16 september 2021, 11:39 am

banyak bergaul dengan pelajar-pelajar dari kalangan rakyat biasa. Al-Marhum kemudiannya dihantar semula untuk menyambung pelajaran di sekolah lama Al-Marhum iaitu Maktab Melayu Kuala Kangsar.<sup>19</sup>

Seterusnya, Pada 25 Mei 1944, dalam satu upacara adat istiadat diraja yang meriah, Al-Marhum telah dikurniakan gelaran Tengku Mahkota Pahang di Istana Seri Terentang, Pekan. Sebagai waris takhta, gelaran tersebut telah dimasyhurkan bagi kali kedua pada 29 Mei 1949. Pada tahun 1948, Al-Marhum telah ke England dengan menaiki kapal laut yang bernama Audre Lebon dan pelayaran tersebut telah mengambil masa selama 25 hari. Al-Marhum melanjutkan pelajaran di Sekolah Persendirian Sussex sebelum memasuki Worcester College, Oxford bagi mengikuti Kursus Pentadbiran Awam dalam tahun 1950. Setelah tamat pengajian di Oxford, Al-Marhum kemudiannya melanjutkan pelajaran ke Universiti College Exeter, Devon dari tahun 1951-1953 dan mendapat latihan praktikal dalam bahagian Kerajaan Tempatan di Urban District Council Sidmouth, Devon.<sup>20</sup>

### **3.4. Kepimpinan Sebagai Sultan**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Ibni Al-Marhum Sultan Sir Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah mempunyai pengalaman yang luas dalam lapangan ketenteraan. Pada tahun 1953, sekembalinya ke tanah air Al-Marhum beserta 116 anggota lain telah memasuki angkatan tentera sebagai Pelatih Pegawai Kadet di Port Dickson untuk menjalani latihan selama enam bulan. Latihan yang cukup intensif ini akhirnya hanya diselesaikan oleh 13 orang pelatih sahaja dan Al-Marhum adalah seorang daripada yang berjaya itu. Al-Marhum pernah ditugaskan berkhidmat dalam Batalion ke-4 Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD) di Tapah, Perak dengan pangkat Kapten. Al-Marhum juga pernah ditauliahkan dengan pangkat Major semasa berkhidmat dengan Askar Wataniah sebagai Pegawai Sementara. Semasa Indonesia melancarkan kempen konfrontasi terhadap Malaysia pada tahun 1963-1965, Al-Marhum telah berkhidmat sepenuh masa dengan Pasukan Infantri ke-12 Batalion Askar Wataniah di Kem Batu 5, Mentakab sebagai Pegawai Pemerintah.

### **3.5 Hubungan Hati Dengan Kepimpinan**

---

<sup>19</sup> <http://diraja.pahang.my/portal/diraja/sejarah-kesultanan-melayu-pahang> 6 september 2021, 2:39 pm

<sup>20</sup> <http://diraja.pahang.my/portal/diraja/sejarah-kesultanan-melayu-pahang> 6 september 2021, 2:39 pm

Allah SWT telah mencipta manusia dengan dua unsur: ruhani dan jasmani. Namun, hatisanubari yang bersifat kerohanian merupakan paksi asas, tunjung dan hakikat diri manusia. Hati tersebut dikenali dengan istilah arab sebagai al-qalb. Imam al-Ghazzali mendefinisikan hati sebagai al-latifah al-rabbaniyyah al-ruhaniyah al-alimah al- mudrikah atau divinely immaterial spiritual intellectual substance. Secara mudahnya, hati merujuk kepada satu entiti kerohanian yang boleh memimpin, memahami hakikat kebenaran dan mempunyai hubungan rapat untuk mengenal dan berhubung dengan Penciptanya. Oleh itu, hati adalah tempat letaknya tawhid, iman, makrifah, taqwa dan hidayah. Manakala badan jasmani merupakan medium dan alat untuk manusia bergerak, bekerja dan melaksanakan segala perintah Allah dimuka bumi Maka, posisi hati dan badan jasmani dalam kepimpinan seumpama kedudukan seorang raja yang memerintah segala rakyat untuk bergerak kearah kebaikan atau kejahanan.

Berdasarkan kenyataan posisi hati oleh Nabi Muhammad SAW, hubungan hati dan kepimpinan adalah sangat jelas wujud dalam menentukan kebahagiaan dan keburukan masa depan manusia, maka kebaikan dan keburukan manusia terletak kepada hal ehwal, perihal keadaan sifat sifat hati yng berada dalam diri sanubari manusia . Hal ini menunjuk kepimpinan daripada kecerdasan hati melibatkan penyucian hati (tazkiyyah al-nafs) daripada segala unsur kesyirikan, kekufuran, kemunafikan, hijab dan sifat sifat mazmudah. Imam al-Ghazzali menyatakan bahawa wajib bagi setiap muslim itu mengetahui keadaan hal dan menyucikan hatinya daripada segala kotoran maknawi dan sifat sifat tercela. Hal ini kerana hati adalah asas agama yang mengandungi ajaran segala akidah dan ibadah. Boleh dikatakan bahawa al- tazkiyyah fi al-qiyadah. Jadi sebelum memimpin seorang Muslim mesti mengetahui dan menyedari dengan yakin didalam hatinya bahawa manusia diciptakan oleh Allah untuk menjawat kedudukan khalifah dan hambaNya yang bertanggungjawab pada setiap perlakuan kepada dirinya, masyarakat dan alam. Oleh itu, sebagai Muslim mesti memahami didalam hati bahawa Allah Penciptanya Yang Alim Hakim telah menganugerahkan sifat kepimpinan dalam dirinya. Allah juga telah memperlihatkan kepadanya melalui kesucian hatinya secara jelas bahawa tanggungjawabnya sebagai khalifah Allah di dunia adalah amanah besar, tanggungjawab dan kesediaan menerima segala akibat dan balasan perlakuan didunia dan akhirat.<sup>21</sup> Almarhum Sultan Ahmad merupakan seorang sultan yang berkredibiliti tinggi. Baginda cekap mengurus dan menjangkakan sebarang kemungkinan yang akan berlaku. Baginda Almarhum Sultan Ahmad merupakan seorang sultan yang berjiwa rakyat. Sikap Almarhum Sultan Ahmad yang mempamerkan kredibiliti beliau yang tiada terbilang.

---

<sup>21</sup> "Kepimpinan Berdasarkan Kecerdasan Hati Dalam Islam" tesis Dr Muhammad Khairi Mahyuddin, Timbalan Dekan Pembangunan Pelajar Dan Pengurusan Prestasi Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan Universiti Sains Islam Malaysia

Enam sikap tersebut ialah bijaksana, tenang, tegas, pengasih, bersiap siap dan berpandangan jauh. Himpunan sikap-sikap ini menjadikan Sultan Ahmad Shah seorang yang disegani dan disayangi rakyat jelata.

Al-Marhum merupakan seorang Raja Pemerintah yang unggul dari segi budi pekerti, berhemah dan berpengetahuan tinggi. Al-Marhum mempunyai falsafah tersendiri iaitu ‘Raja dan Rakyat Berpisah Tiada’. Al-Marhum selalu bercemar duli mengunjungi rakyat di setiap pelusuk negeri untuk mengenal dan mengetahui segala masalah mereka. Ketokohan dan kewibawaan Al-Marhum sentiasa dikagumi. Al-Marhum dikagumi atas keprihatinan serta sering menghulurkan bantuan terhadap rakyat yang menghadapi kesukaran.<sup>22</sup>

### **3.6 Sejarah Hidup Sultan-Sultan Di Negeri Pahang**

Sejarah Negeri Pahang bermula sebelum didirikan kerajaan Melayu Melaka, wilayah bahagian selatan Semenanjung Tanah Melayu semuanya termasuk dalam kawasan kerajaan Pahang. Orang Jawa Majapahit zaman dahulu menyebut Semenanjung Tanah Melayu sebagai Pahang sahaja.<sup>23</sup> Negeri Pahang Darul Makmur ialah sebuah negeri yang terbesar di Semenanjung Tanah Melayu dengan keluasan 35,515 kilometer persegi. Kemasyhuran dan kehebatan namanya pada masa dahulu menjadi rebutan kerajaan yang ada di sekelilingnya. Pada masa ini Pahang adalah negeri di Semenanjung dengan terbahagi kepada sebelas daerah iaitu Kuantan, Pekan, Rompin, Maran, Temerloh, Jerantut, Bentong, Raub, Lipis, Cameron Highlands dan Bera. Pada 6 Ogos 1882, Sultan Ahmad Al-Muadzam Shah telah bergelar Sultan Pahang yang pertama. Baginda telah mengalahkan kekandanya Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir melalui perang saudara kerana perselisihan keluarga dan menyebabkan rakyat Pahang berpecah-belah untuk seketika. Semasa berundur ke Johor, Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir dan anakandanya Tun Koris telah meninggal dunia di Sedili pada bulan Mei 1863. Wan Ahmad kemudiannya dilantik sebagai Bendahara Siwa Raja dan bergelar sultan pada 6 Ogos 1882. Maka dari zuriat sultan inilah kekal sebagai pemerintahan Kesultanan Pahang hingga hari ini. Pada 1909, Sultan Ahmad Al-

---

<sup>22</sup> Kredibiliti Sultan Ahmad dalam Peristiwa Pemberontakan Pahang (1891-1895) Amnah Saayah Ismail Jabatan Kenegaraan Kepemimpinan dan Ketamudunan, Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Burhanuddin Jalal Jabatan Kenegaraan Kepemimpinan dan Ketamudunan, Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia. Nurhana binti Mohamad Rafiuddin Jabatan Pengurusan Sumber Manusia, Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Nasirah binti Abdullah Jabatan Pengurusan Sumber Manusia, Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

<sup>23</sup> <http://Sejarah kesultanan pahang>” (Asal Usul Kesultanan Pahang) 24 Oktober 2021, 6:48 pm

Muadzam Shah turun takhta dan melantik anakanda baginda, Tengku Long Mahmud sebagai Sultan Pahang Kedua bergelar Sultan Mahmud Shah. Pemerintah Kerajaan Pahang selepas itu adalah Sultan Abdullah Al-Mu'tasim Billah Shah, Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Muadzam Shah, Sultan Haji Ahmad Shah Al Musta'in Billah dan Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah. Sultan Mahmud Shah memerintah pada tahun 1914 hingga 1917.

Almarhum Duli Yang Maha Mulia Sultan Ahmad Al-Mu'adzam Shah telah mengangkat puteranya Tengku Mahmud menjadi Pemangku Raja pada 22 Julai 1889 bagi membantu Baginda di dalam urusan pemerintahan negeri. Pemerintahan Baginda sebagai Sultan tidak lama, apabila Baginda mangkat pada 19 Jun 1917 di Rumah Rehat Kuala Pahang. Duli Yang Maha Mulia Sultan Abdullah Al-Mu'tasim Billah Ibni Al-Marhum Sultan Ahmad Al-Mu'adzam Shah telah dilantik menaiki takhta sebagai Sultan ketiga negeri Pahang. pada bulan Mei 1919, di Balairung Seri Istana Seri Terentang, Pekan dengan penuh istiadat. Seterusnya, Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah ditabah menjadi sultan ke empat negeri Pahang. Baginda merupakan seorang Raja pencetus kemodenan atau pembawa arus perubahan di dalam sejarah Negeri Pahang moden. Baginda mangkat pada 5 Mei 1974 di Istana Kecil, Pekan setelah memerintah negeri Pahang selama 42 tahun. Kemudian, pada 7 Mei 1974, Sultan Haji Ahmad Shah, telah dimasyhurkan sebagai Sultan dan raja pemerintah negeri Pahang yang seterusnya. Baginda wafat pada 22 Mei 2019 setelah menjadi Sultan Pahang selama 45 tahun sejak tahun 1974 sehingga tahun 2019. Tampuk pimpinan kesultanan Pahang diteruskan oleh Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al- Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al- Musta'in Billah pada 31 Januari 2019 sehingga kini.<sup>24</sup>

### **3.6.1 Sultan Ahmad al-Mu'azzam Shah ibni al-Marhum Bendahara Sri Maharaja**

#### **Tun Ali**

Sultan Ahmad Al-Mu'azzam Shah Ibni Al-Marhum Bendahara Sri Maharaja Tun Ali (23 Mei 1836 – 9 Mei 1914) ialah Raja Bendahara Pahang yang keenam dan pengasas dan Sultan Pahang moden pertama. Umumnya dikenali sebagai Tun Wan Ahmad sebelum aksinya, dia merebut takhta pada tahun 1863 setelah mengalahkan kakaknya Tun Mutahir dalam Perang Saudara Pahang, dengan gelaran Sri Paduka Dato 'Bendahara Siwa Raja Tun Ahmad. Pada tahun-tahun awal pemerintahannya, Pahang mengalami kekacauan, dengan pelbagai usaha yang dilakukan

---

<sup>24</sup> Http Diraja pahang My portal diraja "Sejarah Kesultanan Melayu pahang" 24 september 2021, 6:49 pm

oleh anak-anak Allahyarham Tun Mutahir yang masih hidup, yang berpusat di Selangor, untuk menggulingkannya. Ini membawa kepada penglibatan tegas Pahang dalam Perang Saudara Selangor yang berjaya menamatkannya. Perang berturut-turut yang merosakkan tanah telah menyebabkan timbulnya perselisihan di antara kelas pemerintah dan ketua wilayah yang kemudiannya dibahagikan kepada puak. Pada tahun 1881, didorong oleh kuasanya yang semakin berkurangan di Pahang dan di kalangan rakan sejawatannya di negeri-negeri Melayu barat, Tun Wan Ahmad mengambil gelaran Sultan Ahmad al-Muadzam Shah dan secara rasmi diisyiharkan sebagai Sultan oleh pembesarnya dua tahun kemudian. Peristiwa itu menandakan kebangkitan semula Pahang sebagai Kesultanan selepas lebih dua abad bersatu dengan mahkota Johor.<sup>25</sup> Ahmad mendapat pengiktirafan rasmi dari kerajaan Selat Inggeris pada tahun 1887, sebagai balasan untuk menandatangani perjanjian dengan Inggeris yang memaksanya untuk menerima Ejen British di mahkamahnya.

Semasa pemerintahannya, politik Pahang berada di bawah kekuasaan pemerintah Inggeris. Peningkatan tekanan diberikan kepada Sultan oleh Agen British yang tinggal untuk mentadbir negeri ini mengikut cita-cita British mengenai pemerintahan dan pemodenan yang adil. Ini secara berkesan telah menjerumuskan negeri ini ke dalam kawah ketidakpuasan hati dengan pertembungan antara ketua tradisional dan British. British akhirnya memaksa Tun Wan Ahmad untuk meletakkan negerinya di bawah protektorat Inggeris pada tahun 1888 dan John Pickersgill Rodger dilantik sebagai Residen pertama Pahang. Kerja-kerja membangun pemerintahan Negara dimulakan dengan pembentukan Mahkamah Agung, pasukan polis dan Majlis Negeri. Pada tahun 1895, Sultan mengadakan Perjanjian Persekutuan untuk membentuk Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Tun Wan Ahmad memindahkan kuasa eksekutif dan pentadbirannya kepada anak sulungnya Tengku Long Mahmud, kerana usia tua pada tahun 1909, mengekalkan jawatan dan gelaran sebagai Ketua Negara sehingga kematiannya pada tahun 1914.

Seterusnya, kehidupan awal, Pada 23 Mei 1836 di Pulau Maulana, Pekan, Che Puan Long, isteri kepada Bendahara Johor ke-22, Tun Ali, telah melahirkan seorang anaklelaki Wan Ahmad, yang baginya seorang Arab, Habib Abdullah ibni Omar Al-Attas telah meramalkan suatu yang besar. masa depan. Wan Ahmad adalah keturunan patrilineal Bendahara ke-13 yang dimasyhurkan sebagai Sultan Johor ke-10, Abdul JalilShah IV. Selepas penaklukan Abdul Jalil, Pahang telah dijadikan wilayah khas Bendahara, yang memerintah negeri itu sebagai vasal empayar Johor. Namun, semasa pemerintahan Tun Abdul Majid, dengan pemecahan kerajaan secara beransur-

---

<sup>25</sup> Http Diraja pahang My portal diraja “Sejarah Kesultanan Melayu pahang” 24 september 2021, at 1:00 pm

ansur, status Pahang diubah dari sebuah negeri provinsi (Tanah Pegangan) menjadi wilayah kekuasaan (Tanah Kurnia), sehingga Bendahara yang memerintah mengambil gelar Raja Bendahara ('raja wazir agung'). Sehinggalah pada tahun 1853, apabila Pahang di bawah pemerintahan bapanya, secara rasmi mengisytiharkan kemerdekaan. Wan Ahmad dididik secara persendirian di istana ayahnya, di mana banyak guru dari pelbagai peringkat memberi tahu keluarga kerajaan. Dia dianugerahkan Kuantan dan Endau sebagai bangsanya oleh bapanya ketika dia masih sangat muda, tetapi menentang penguasaan wilayahnya oleh saudaranya, setelah penggantinya pada tahun 1857.

Di samping itu, Perang Saudara Pahang. Pertikaian mengenai wilayah Kuantan dan Endau mendorong Wan Ahmad untuk menentang saudaranya dalam pemerintahan tertinggi. Ketegangan antara dua beradik itu memuncak menjadi perang saudara yang sengit, sejurus selepas kematian bapa mereka pada tahun 1857. Abangnya, Tun Mutahirdisokong oleh Johor di selatan, dan oleh Negeri-Negeri Selat British yang ketika itu menentang Rattanakosin Siam Kerajaan. Wan Ahmad, 22 tahun ketika itu, dibantu oleh Terengganu, sebuah kesultanan Melayu di utara, dan oleh orang Siam. Kedua-dua pihak, yang penyokong luarnya mempunyai motif tersembunyi, terlibat dalam serangan dan penyergapan, dengan pertempuran sesekali berhampiran kubu di sepanjang sistem sungai Pahang yang luas. Kapal-kapal Siam yang dihantar untuk membantu Wan Ahmad pada tahun 1862 dikendalikan oleh kapal perang Inggeris. Peperangan terhenti sejurus selepas tentera Wan Ahmad menakluki dan mengawal beberapa bandar dan wilayah penting di pedalaman, dan akhirnya merampas ibu kota, Pekan. Tun Mutahir berundur ke Temai dan pada Mei 1863, beliau melarikan diri ke Kuala Sedili, di mana beliau meninggal dunia bersama anaknya Wan Koris. Wan Ahmad berhutang kemenangannya dalam peperangan itu sebahagiannya kerana kebolehannya yang cemerlang sebagai komander medan. Pemenang secara rasmi ditabalkan sebagai pemerintah oleh pembesar-pembesarnya dengan gelaran Bendahara Siwa Raja Tun Ahmad, sekali gus menamatkan perjuangan persaudaraan antara dua beradik itu.<sup>26</sup>Raja Bendahara yang baru menandakan kemenangannya dengan menyatakan pengampunan kepada ketua dan rakyat yang telah membantu musuhnya. Dia juga memberi penghargaan kepada ahli perniagaan kaya yang telah memberikannya bantuan kewangan selama perang dengan menyewakan monopoli garam dan candu kepada mereka. Sutan telah dilantik sebagai Komander Kesatria Kehormat Perintah St Michael dan St George (KCMG) dalam senarai Kepujian Hari Lahir November 1902.<sup>27</sup>

---

<sup>26</sup> Http Diraja pahang My portal diraja "Sejarah Kesultanan Melayu pahang" 29 September 2021, at 9:20pm

<sup>27</sup> Http Diraja pahang My portal diraja "Sejarah Kesultanan Melayu pahang" 29 September 2021, at 9:20pm

### **3.6.2 Sultan Mahmud Shah ibni al-Marhum Sultan Ahmad al-Mu'azzam Shah**

Sultan Negeri Pahang yang kedua adalah Duli Yang Maha Mulia Almarhum Sultan Mahmud Ibni Al-Marhum Sultan Ahmad Al-Mu'adzam Shah yang memerintah Pahang dari tahun 1914 – 1917. Al-Marhum Sultan Mahmud Ibni Al-Marhum Sultan Ahmad Al- Mu'adzam Shah diputerakan pada 4 Februari 1868 bersamaan 10 Syawal 1254 Hijrah. Sultan Mahmud Shah ibni al-Marhum Sultan Ahmad al-Mu'azzam Shah atau sebelum ditabalkan lebih dikenali dengan Tengku Long Mahmud, adalah Sultan Pahang moden ke-2. Baginda diputerakan pada hari Jumaat, 4 Februari 1868 Masihi bersamaan 10 Syawal 1254 Hijrah, merupakan perkongsian hidup di antara Sultan Ahmad al-Mu'azzam Shah dengan Che Ungku Pah binti Dato Temenggung Sri Maharaja Tun Ibrahim seorang daripada isteri baginda. Walaupun Baginda mendapat pelajaran secara tidak formal tetapi tanda-tanda kepandaian, kecerdikan dan kebijaksanaan Baginda memang terserlah. Tengku Mahmud bijak berkira bicara dan berunding. Pegawai- pegawai British yang datang ke Pahang pada masa itu sangat tertarik hati dan memuji kebijaksanaan Tengku Mahmud. Pergaulan yang baik dengan pegawai-pegawai British memberi peluang kepada Tengku Mahmud belajar menulis dan membaca serta cara-cara berfikir sebagai seorang yang bakal menggantikan ayahandanya. Sultan Ahmad al-Mu'azzam Shah telah mengangkat puteranya Tengku Mahmud menjadi Pemangku Raja pada 22 Julai 1889 bagi membantu Baginda di dalam urusan pemerintahan negeri. Kemudiannya, menurut persetujuan Sultan Ahmad al-Mu'azzam Shah yang disahkan di dalam Mesyuarat Negeri pada 11 Oktober 1891, Tengku Mahmuddiberi gelaran Tengku Besar Pahang iaitu gelaran kepada seorang bakal Sultan. Baginda telah berkahwin dengan Tengku Mariam iaitu puteri kepada Al-Marhum Sultan Abu Bakar (Johor) pada Julai 1913 tetapi tidak meninggalkan zuriat. Baginda menggantikan ayahandanya sebagai Sultan Yang Memerintah pada 9 Mei 1914 dan Tengku Mariam pula dilantik sebagai Tengku Puan Besar. Pemerintahan Baginda sebagai Sultan tidak lama, apabila Baginda mangkat pada 19 Jun 1917 di Rumah Rehat Kuala Pahang.<sup>28</sup>

### **3.6.3 Sultan Abdullah al-Mu'tasim Billah Shah ibni al-Marhum Sultan Ahmad Al Muazzam Shah**

Sultan 'Abdullah Al-Mu'tassim Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Ahmad Al- Mu'azzam Shah (12 Oktober 1874 - 22 Jun 1932) adalah Sultan Pahang ketiga yang memerintah dari tahun

---

<sup>28</sup> [http://Negeri pahang sultan mahmud shah sultan negeri pahang yang kedua](http://Negeri%20pahang%20sultan%20mahmud%20shah%20sultan%20negeri%20pahang%20yang%20kedua)” 24 oktober, 2021, 11:40 am

1917 hingga 1932. Seterusnya, kehidupan awal baginda Dilahirkan di Istana Diraja, Pekan Lama, 12 Oktober 1874, putera keempat Sultan Ahmad Muadzam Shah ibni al-Marhum Bendahara Sri Maharaja Tun ‘Ali, Cik Kusuma Sokma binti Tok Minal Daeng Koro, berpendidikan. Pada zaman kanak-kanak dilahirkan di Istana Diraja, Pekan Lama, 12 Oktober 1874, putera ketiga Sultan Ahmad Muadzam Shah ibni al-Marhum Bendahara Sri Maharaja Tun ‘Ali, Cik Kusuma Sokma binti Tok Minal Daeng Koro, berpendidikan. Di samping itu, adik-beradiknya adalah: saudara tiri Mahmud dari Pahang, Raja Bendahara (4 Februari 1868) Seterusnya, Semasa pemerintahannya, Pahang telah banyak mengalami perubahan politik. Kerajaan British memperkenalkan perundangan dan inovasi dalam jentera negeri untuk menjadikan negeri-negeri Melayu 'moden' dalam amalan politik dan ekonomi. Kegiatan ini terhasil daripada peristiwa perlembagaan pada zaman pemerintahan Sultan Ahmad al-Muadzam Shah, iaitu pembentukan Negeri-negeri Melayu Bersekutu pada tahun 1896 dan penubuhan Majlis Persekutuan pada tahun 1909. Banyak haba dihasilkan terhadap keberkesanan penyertaan Raja-Raja dalam Majlis Persekutuan pada zaman pemerintahan Sultan Abdullah. Baginda berasa jengkel apabila mendapati Kuala Lumpur yang semakin menyahut, walaupun dalam hal ehwal yang difikirkannya tidak ada kena mengena dengan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, tetapi hanya Pahang. Walau bagaimanapun, beliau terpaksa mengambil bahagian kerana bergantung pada tahap tertentu kepada dana kolektif yang mencukupi dari Negeri-negeri Melayu Bersekutu, Pahang akan mendapat manfaat daripada kekayaan Perak dan Selangor.

Selain itu, sultan agak kecewa ketika semasa pemerintahan Sir Laurence Guillemard terdapat kegiatan yang kuat untuk mendesentralisasi kuasa dari pusat di Kuala Lumpur kembali ke setiap Negara yang terdiri daripada Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Tetapi dia tidak melihat skema itu terwujud. Begitu juga penggantinya kerana langkah itu masih diteruskan apabila Jepun menyerang Tanah Melayu. Antara pembaharuan lain yang dimulakan semasa pemerintahan Abdullah ialah pemansuhan bentuk diubah suai sistem corvée yang biasa diamalkan di Pahang. Mulai tahun 1919, kawasan simpanan Melayu yang besar telah dibuka untuk memastikan tanah kekal tersedia kepada orang Melayu tempatan. Enakmen Tanah Kesultanan telah diisytiharkan pada tahun 1919, memberikan kawasan tertentu kepada Sultan dan memberinya hak untuk mengawal selia pajakan dan pendudukan kawasan tersebut. Pada tahun 1930 menandakan penciptaan gelaran Tengku Mahkota ('putera mahkota') bersama dengan gelaran Melayu baharu yang lain, dan pembingkaian peraturan penggantian agnatik. Pada tahun 1932, pada usia dua puluh tahun, Tengku Abu Bakar, putera dan pewaris Abdullah dilantik sebagai Tengku Mahkota dari Pahang, pertama kalinya seorang putera pernah mendapat gelaran ini.

Di samping itu, kehidupan peribadi, Abdullah berkahwin dahulu dengan seorang wanita yang dikenali sebagai Che' Endut. Isteri kedua beliau ialah Che Kalsum binti Tun Abdullah, anak kepada seorang bangsawan Terengganu Tun Abdullah bin Tun Abdul Rauf dari Pulau Duyung, yang kemudiannya dijadikan Sultanah Pahang ('permaisuri tinggi'). Anak lelaki pertamanya daripada perkahwinan ini ialah Abu Bakar, yang kemudiannya menggantikan Sultan seterusnya. Perkahwinan ketiga Abdullah adalah dengan Cik Wan Chantik binti Wan Muhammad Amin, anak perempuan seorang bangsawan Pattani Wan Muhammad Amin. Dari semua perkahwinan ini, dia mempunyai masalah, sepuluh anak lelaki dan tujuh anak perempuan. Akhir sekali, kematian dan penggantian, Menjelang 1931, kesihatan Abdullah mula merosot, namun beliau masih berjaya menghadiri Durbar yang diadakan pada Ogos tahun itu. Baginda mangkat pada tahun berikutnya, di Istana Kuning, Pekan pada 22 Jun 1932 dan dikebumikan di Tanah Perkuburan Diraja, Kuala Pahang. Baginda digantikan oleh putera kedua baginda, Tengku Mahkota Abu Bakar.<sup>29</sup>

### **3.6.4 Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin al-Mu'azzam Shah ibni al-Marhum Sultan Abdullah al-Mu'tasim Billah Shah.**

Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin al-Mu'azzam Shah ibni al-Marhum Sultan Abdullah al-Mu'tasim Billah Shah adalah Sultan Pahang moden ke-4. Baginda diputerakan pada hari Ahad, 29 Mei 1904 Masihi bersamaan 14 Rabitul Awal 1322 Hijrah. Baginda merupakan putera kedua kepada al-Marhum Sultan Abdullah al-Mu'tasim Billah Shah ibni al-Marhum Sultan Ahmad al-Mu'azzam Shah dengan Che Kalsum binti Abdullah. Seterusnya, pada pendidikan awal Baginda telah diasuh, dipelihara dan dijaga dengan penuh kasih sayang oleh Hajjah Aishah sehingga dewasa. Baginda telah mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Pekan. Selepas itu, Baginda menyambung pendidikannya di dalam aliran Inggeris di Maktab Melayu Kuala Kangsar atau dikenali sebagai MCKK di Negeri Perak. Baginda sentiasa menjelajah ke seluruh pelusuk negeri, daerah, kampung-kampung untuk bersama-sama dengan rakyat jelata. Baginda juga turut menyokong proses untuk mendapatkan kemerdekaan untuk Tanah Melayu pada ketika itu. Ketika pemerintahan Baginda jugalah telah lahir ramai pendekar-pendekar yang handal di negeri Pahang. Semasa remajanya, Baginda mempunyai kegemaran dan minat dalam seni budaya seperti Gamelan, Zapin, Inang, Canggong, Cinta Sayang hinggalah tarian-tarian moden

---

<sup>29</sup> Http Diraja pahang My portal diraja "Sejarah Kesultanan Melayu pahang" 29 September 2021, at 9:20pm

yang lain. Pada tahun 1972, Baginda telah membawa balik Gamelan ke Negeri Pahang yang telah dibeli dari Tengku Mariam, ibu saudara Baginda dari Terengganu. Selain itu, Baginda juga begitu aktif dalam lapangan sukan seperti permainan Polo, Tenis, Lumba Kuda, Lumba Perahu, dan sebagainya.

Seterusnya, baginda telah melangsungkan perkahwinan dengan Tengku Ampuan Pahang, Raja Fatimah, puteri kepada Sultan Iskandar Shah ibni al-Marhum Sultan Idris Murshidul Azzam Shah Rahmatullah, di Kuala Kangsar, Perak. Perkahwinan baginda merupakan perkahwinan di antara dua kerabat diraja yang mempunyai pertalian persaudaraan iaitu saudara sepupu melalui bonda Tengku Ampuan Fatimah yang bernama Tengku Nong Fatimah binti Sultan Ahmad al-Mu'azzam Shah ibni al-Marhum Bendahara Sri Maharaja Tun Ali. Pada 4 Jun 1930, Sultan Abdullah al-Mu'tassim Billah Shah ibni al-Marhum Sultan Ahmad al-Mu'azzam Shah telah berkenan melantik Tengku Abu Bakar ibni Sultan Abdullah al-Mu'tassim Billah Shah sebagai Tengku Mahkota Pahang. Baginda merupakan putera raja yang pertama dikurniakan gelaran Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang dalam sejarah Kesultanan Pahang. Berikutnya kemangkatan ayahanda baginda, baginda menaiki takhta Kerajaan negeri Pahang pada 23 Jun 1932. Baginda kemudian ditabalkan sebagai Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin al-Mu'azzam Shah pada hari Ahad, 28 Mei 1933 di Istana Pantai, Pekan. Pada waktu itu, usia baginda baru mencecah 28 tahun dan baginda merupakan Sultan Pemerintah yang paling muda di kalangan Raja-Raja Tanah Melayu pada ketika itu. Sehubungan dengan itu, di zaman pemerintahan Baginda, bermulalah mercu tanda pembangunan Negeri Pahang moden, di mana perubahan dari segi politik dan sosial berlaku dengan cukup pesat walaupun dengan kemaraan Tentera Jepun di Tanah Melayu ketika Perang Dunia Kedua.

Lanjutan daripada itu, semasa penjajahan Jepun dalam tahun 1941 hingga tahun 1945, Al-Marhum telah bersetuju dengan secara sulit supaya orang-orang Melayu dalam negeri ini menubuhkan Pasukan Tentera Wataniah yang dikenali dengan nama 'Pasukan 136' yang ketika itu diketuai oleh Yoep Mahidin, Tun Haji Abdul Razak Hussain, Tan Sri Ghazalie Shafie dan Abdul Rahman Ismail. Peranan yang dimainkan oleh baginda dalam menghadapi jajahan Tentera Jepun di Pahang telah membuktikan kewibawaan baginda sebagai Raja yang berdaulat. Peristiwa di mana Baginda ditahan selama 27 hari di Ladang Getah Ng Tiong Kiat, Sungai Jerik (17 Ogos 1945 - 9 September 1945) menjadi natijah kecekapan, kecekalan, kesabaran dan kewibawaan Baginda dalam mengatasi saat-saat yang sangat kritikal. Kejadian tersebut telah menggemparkan masyarakat Pahang pada ketika itu. Bukan sahaja itu malah, kepesatan pertumbuhan ekonomi seperti perlombongan bijih timah, emas dan perladangan getah berlaku pada zaman pemerintahan

baginda sejurus selepas kemerdekaan Tanah Melayu. Semasa pemerintahan baginda juga, ibu negeri Pahang yang pada ketika itu Kuala Lipis, telah dipindahkan ke Kuantan. Sebagai seorang Raja Pemerintah yang sangat prihatin atas segala hal ehwal berkaitan perkembangan agama Islam di Negeri Pahang, baginda telah mengambil beberapa langkah untuk kemajuan dan kebangkitan agama. Di antaranya, pada Mac 1950 menubuhkan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Pahang, menghidupkan kembali jawatan Mufti kerajaan kepada jawatan Kadi Besar serta mewujudkan sebuah Sekolah Arab Tinggi dengan nama Kuliah Al-Lughah Waddin Al-Sultan Abu Bakar Pahang dalam tahun 1941. Baginda merupakan seorang Raja pencetus kemodenan atau pembawa arus perubahan di dalam sejarah Negeri Pahang moden. Banyak adat-adat yang tidak bersesuaian pada masa itu ditinggalkan. Baginda mengikut dan bergerak menurut masa dari segi pemikiran, pemerintahan dan memimpin rakyat. Akhir sekali, baginda mangkat pada Ahad 5 Mei 1974 di Istana Peninjau, Kampung Padang Polo, Pekan, pada jam 12:44 tengah malam setelah memerintah negeri Pahang selama 42 tahun, dan digantikan oleh putera baginda Sultan Ahmad Shah.<sup>30</sup>

### **3.6.5 Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Almarhum**

#### **Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah**

Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah atau Al-Sultan Abdullah Al-Haj, diputerakan sebagai Tengku Abdullah pada 30 Julai 1959 di Pekan, Pahang, Malaya). Al-Sultan Abdullah menaiki takhta sebagai Sultan Pahang pada 15 Januari 2019, kemudian dilantik sebagai Yang di-Pertuan Agong Malaysia ke-16 oleh Majlis Raja-raja pada 24 Januari 2019. Baginda melafaz sumpah sebagai Yang di-Pertuan Agong Malaysia pada satu istiadat penuh gilang-gemilang di Istana Negara, Jalan Duta pada 31 Januari 2019. Baginda pada waktu dan juga masa sebelum ini telah menyandang jawatan Sebagai Tengku Mahkota Pahang hampir 44 tahun. Pada tahun 2016, baginda telah dimasyurkan sebagai Pemangku Raja Pahang setelah mendapat perkenan oleh Sultan Pahang. Seterusnya, Kehidupan awal, Tengku Abdullah telah diputerakan pada Hari Khamis 30 Julai 1959 di Istana Manggal Tunggal, Pekan iaitu pada zaman pemerintahan paduka nenda baginda, Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'azzam Shah, Sultan Pahang IV. Paduka ayahanda baginda, Tengku Mahkota Pahang ketika itu (Tengku Ahmad Shah), merupakan paduka anakanda ketiga Sultan Abu Bakar dengan Raja Hajjah Fatimah. Paduka bonda baginda pula, Tengku Puan Besar

---

<sup>30</sup> Http Diraja pahang My portal diraja "Sejarah Kesultanan Melayu pahang" 29 September 2021, at 9:20pm

(kemudian menjadi Tengku Ampuan Hajah Afzan) merupakan paduka puteri kepada Tengku Panglima Perang dengan Tengku Seri Kemala. Baginda diputerakan di Istana Mangga Tunggal, Pekan, Pahang, Persekutuan Tanah Melayu, tiga tahun setelah Tanah Melayu mencapai kemerdekaan di bawah pemerintahan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pertama, Tuanku Abdul Rahman. Baginda dipanggil Alam oleh kerabat terdekat baginda. Baginda ialah paduka anakanda keempat daripada lapan adik-beradik. Kakanda tertua baginda ialah Tengku Meriam. Baginda ialah paduka putera sulung Sultan Ahmad Shah Sultan bagi negeri Pahang dan seluruh jajahan takluknya, seorang lagi putera ialah Tengku Muda Pahang. Lebih-lebih lagi, baginda mendapat pendidikan awal di Sekolah Ahmad, Pekan, Sekolah Rendah St. Thomas, Kuantan serta di Sekolah Menengah St. Thomas, Kuantan sebelum melanjutkan pelajaran ke luar negara. Sejak kecil lagi Baginda aktif dalam sukan seperti permainan hoki, bola sepak dan sepak takraw. Baginda pernah dipilih untuk mewakili sekolah, daerah dan negeri dalam permainan bola sepak. Baginda menerima pendidikan agama Islam secara persendirian setiap minggu di pejabat bagindadi istana lama dan diajar oleh Kadi Besar Pahang.

Di samping itu, baginda melanjutkan pengajian tingginya di United Kingdom dengan memasuki Aldenham School, Elstree Hertfordshire – Advance School dari tahun 1975 hingga tahun 1978. Baginda kemudian melanjutkan pelajaran di Davies College, London – Advance School selama dua tahun. Seperti mana-mana kerabat diraja di seluruh dunia, baginda turut memasuki Akademi Tentera Diraja Sandhurst selama dua tahun juga. Baginda dianugerahkan pangkat Leftenan Muda oleh Ratu Elizabeth II. Pada tahun 1981, baginda menuntut ilmu di Worcester & Queen Elizabeth College dengan mengambil Hal Ehwal Luar Negeri & Diplomasi Lain daripada itu, setelah keputeraan baginda, Tengku Abdullah berada dalam kedudukan kedua dalam susur galur pewarisan takhta Pahang, melewati paduka ayahanda saudaranya, Tengku Ibrahim dan dibelakang paduka ayahandanya yang merupakan Tengku Mahkota. Apabila paduka nenda baginda pada tahun 1974 dan paduka ayahanda baginda menaiki takhta, Tengku Abdullah menjadi pewaris pertama kepada takhta singgahsana kerajaan negeri Pahang. Seterusnya, Tengku Mahkota, Pada 1 Julai 1975, baginda telah dilantik menjadi Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang dan kemudiannya telah dimasyhurkan pada 23 Oktober 1977 di Istana Abu Bakar, Pekan.<sup>[10]</sup> Sebelum diangkat menjadi sultan, baginda ialah pemegang gelaran putera mahkota kedua paling lama hampir 44 tahun dalam kalangan pewaris takhta di seluruh dunia hanya di belakang Charles, Putera Wales. Namun demikian, Pemangku Raja, Tengku Abdullah diangkat menjadi Pemangku Raja apabila paduka ayahanda baginda diangkat sebagai Yang di-Pertuan Agong pada 1979. Selepas kegerringan ayahandanya, Tengku Abdullah secara rasmi

memangku takhta negeri sebagai Pemangku Raja Pahang bermula 2016. Berikutan itu, baginda menghadiri majlis-majlis rasmi dan istiadat- istiadat istana bagi menggantikan ayahandanya.

Di samping itu, Sultan Pahang ke-6 Pada 11 Januari 2019, baginda telah dilantik oleh Jumaah Pangku Diraja Negeri Pahang untuk menggantikan ayahandanya sebagai Sultan Pahang ke-6 berkuat kuasa pada hari tersebut. Baginda kemudian secara rasminya dimasyhurkan pada 15 Januari 2019 sebagai Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al- Mustafa Billah Shah ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dalam Istiadat Pemasyhuran di Istana Abu Bakar, Pekan, Pahang. Baginda juga, Yang di-Pertuan Agongke-16. Pada 24 Januari 2019, Majlis Raja-raja dalam Mesyuarat Khas Majlis Raja-Raja ke-251 telah berkenan memilih baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong yang ke-16. Baginda telah mengangkat sumpah jawatan bagi memulakan pemerintahan baginda ditampuk Persekutuan di Istana Negara pada 31 Januari 2019. Akhir sekali, Tengku Abdullah berkahwin dengan puteri ketiga Sultan Johor, Sultan Mahmud Iskandar, iaitu Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah<sup>[12]</sup> pada 6 Mac 1986 di Masjid Negeri Sultan Abu Bakar, Johor. Baginda mempunyai enam cahaya mata bersama Tengku Puan Pahang, Tunku Azizah; empat putera dan dua puteri. Akhir sekali, baginda berkahwin buat kali kedua dengan Julia Rais yang merupakan bekas pelakon Malaysia dan mempunyai tiga cahaya mata; kesemuanya puteri.<sup>31</sup>

---

<sup>31</sup> [Http Diraja pahang My portal diraja “Sejarah Kesultanan Melayu pahang”](http://diraja.pahang.my/sejarah-kesultanan-melayu-pahang) 29 September 2021, at 9:20pm

### **3.7 Kesimpulan**

Sultan Ahmad Shah diputerakan pada 24 Oktober 1930 di Istana Mangga Tunggal Bandar Diraja Pekan, Pahang. Baginda memiliki sejarah pendidikan yang menunjukkan bahawa almarhum merupakan seorang pemimpin yang berkaliber tinggi dengan pelbagai kelebihan dan kredibiliti yang tinggi. Sejarah hidup sultan-sultan di negeri Pahang menunjukkan bahawa sultan-sultan negeri ini sememangnya memiliki kelayakan serta kepimpinan yang tinggi sebagai pemerintah yang tertinggi. Setiap Sultan dalam Kesultanan Negeri Pahang memiliki sumbangan yang besar dan telah membawa perubahan kepada kemajuan negeri ini. Sultan Ahmad Shah yang merupakan sultan ke-enam negeri Pahang merupakan seorang sultan yang sangat disenangi dan disayangi oleh rakyat negeri Pahang. Kemurnian akhlak dan kedekatan almarhum bersama rakyat menjadikan almarhum dilihat sebagai seorang figure tokoh mahupun Sultan yang dekat di hati rakyatnya. Kejayaan dan keteguhan Kesultanan Negeri Pahang sehingga ke hari ini adalah hasil usaha dan kehebatan dalam kepimpinan sultan-sultan negeri ini.

## **BAB 4**

### **SUMBANGAN SULTAN AHMAD SHAH TERHADAP PERKEMBANGAN ISLAM DI PAHANG**

#### **4.1 Pendahuluan**

Menurut Hikayat Pahang, Sultan Pahang berperanan dalam menyebarkan undang- undang Islam dan undang-undang adat (Milner, 1981). Sultan Haji Ahmad Shah juga memainkan peranan penting dalam perkembangan Islam di negeri ini. Baginda memegang tumpuk pemerintahan negeri Pahang selama 45 tahun dan telah banyak memberikan sumbangan sepanjang tempoh tersebut. Antara sumbangan baginda sepanjang pemerintahan ialah

#### **4.2. Menjadi canselor Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS)**

Sultan Ahmad Shah merupakan canselor di Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS) bermula tahun 2016 dan sepanjang baginda Sultan Haji Ahmad Shah menjadi canselor di KUIPSAS, baginda telah banyak memberikan sumbangan sama adasecara langsung mahupun tidak langsung dalam sistem pentadbirannya. Melalui sumbangan dan dorongan bagindalah, kolej tersebut mampu menampung sertamelahirkan para graduan yang berkualiti yang akhirnya bertanggungjawab menjadi golongan pendakwah di seluruh Pahang khususnya, dan di seluruh Malaysia secara am nya. Kolej ini telah berjaya melahirkan pelapis dakwah di negeri Pahang sekaligus membantu dalam penyebaran serta perluasan dakwah di negeri Pahang serta giat menjalin kolaborasi bersama institusi-institusi berkaitan dalam menyantuni pelbagai lapisan masyarakat seperti masyarakat bukan Islam serta masyarakat Orang Asli di seluruh negeri Pahang.

#### **4.3. Pembinaan bangunan kompleks Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang**

Sultan Haji Ahmad Shah telah berkenan mengurniakan sebidang tanah seluas 4.35 ekar bagi tujuan pembinaan sebuah kompleks pentadbiran Majlis atas rasa keprihatinan baginda. Pada Tarikh 21 Oktober 2002, baginda telah berkenan untuk menyempurnakan upacara pecah tanah yang menandakan bahawa pembinaan kompleks berkenaan telah bermula. Kompleks ini bakal dijadikan sebagai Ibu Pejabat Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang telah menelan kos keseluruhan berjumlah RM13.85 juta, sebanyak RM6 juta disumbangkan oleh Kerajaan Persekutuan manakala kos selebihnya ditanggung oleh Majlis sendiri.<sup>32</sup> Sebagaimana yang termaktub dalam Perkara 24 (1) Bahagian 1 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang dinyatakan bahawa Raja Pemerintah merupakan Ketua Agama Negeri. 24 (1) Ketua Agama Negeri hendaklah Raja Pemerintah dan Raja Pemerintah, dari satu masa ke satu masa, boleh mengeluarkan perintah supaya diadakan lagi apa-apa undang-undang sebagaimana yang patut menurut timbalan Baginda bagi mengatur hal ehwal agama serta menubuhkan sebuah Majlis Agama Islam dan Adat Resam Melayu yang akan digelar dalam bahasa Inggeris “Council of Religion and Malay Custom” bagi menolong dan menasihatkan Raja Pemerintah dalam semua perkara mengenai agama Negeri dan adat resam Melayu<sup>33</sup>

Baginda Sultan Haji Ahmad Shah merupakan ketua agama di negeri Pahang sepanjang pemerintahan sebagai Sultan di negeri ini. Keprihatinan baginda yang membawa kepada penubuhan kompleks Ibu Pejabat Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang telah menjadikan perlaksanaan aspek keagamaan di negeri Pahang dapat dijalankan dengan lebih cemerlang serta berjaya menyantuni segala lapisan masyarakat. Malah, Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) bukan sahaja menyampaikan bantuan zakat fitrah kepada golongan yang berkeperluan dan asnaf, malah juga turut membantu para pelajar dalam bantuan kewangan dalam pendidikan. Hal ini menjadikan MUIP sebagai sebuah organisasi yang telah banyak memberikan sumbangan kepada rakyat di negeri Pahang sejak awal penubuhannya dan bertambah mudah dengan adanya kompleks yang dibina hasil cetusan idea dan rasa keprihatinan Sultan Haji Ahmad Shah pada ketika itu. Di samping itu, MUIP juga telah banyak membantu dan berkolaborasi dengan pelbagai organisasi serta institusi di negeri ini dengan tujuan penyebaran dakwah agama Islam kepada kelompok masyarakat sasaran. Melalui perkara-perkara inilah dapat dibuktikan bahawa Sultan Haji Ahmad Shah telah menjadi salah satu pencetus kepada perluasan penyebaran dakwah di negeri Pahang yang semakin giat dijalankan sehingga ke hari ini.

---

<sup>32</sup> Http Diraja pahang My portal diraja “Sejarah Kesultanan Melayu pahang” 29 September 2021, at 9:20pm

<sup>33</sup> Http Diraja pahang My portal diraja “Sejarah Kesultanan Melayu pahang” 29 September 2021, at 9:20pm

#### **4.4 Pemerkasaan Tulisan Jawi Di Pahang**

Pada tarikh 25 Februari 2016, Sultan Ahmad Shah dalam majlis istiadat pemasyhuran kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan sebagai canselor Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS) telah menitahkan agar semua pihak terutamanya institut pengajian tinggi (IPT) menyuburkan gerakan memperkasakan tulisan jawi dalam kalangan masyarakat. Titah baginda lagi, jawi adalah warisan Melayu yang harus dikenalkan dan pihak akademik seperti Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS) boleh berperanan dalam usaha berkenaan.<sup>34</sup> Titah Sultan Ahmad Shah ini kemudiannya diterima pakai oleh rakyat di negeri Pahang dengan baik sehingga anakanda baginda, iaitu Sultan Pahang Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah juga bertitah agar ulasan tersebut diperkasakan dan dibudayakan di negeri itu. Hasilnya kira-kira 90 peratus premis perniagaan di negeri ini telah mematuhi arahan penggunaan tulisan Jawi pada papan tanda premis masing-masing.<sup>35</sup> Pemerkasaan tulisan jawi akhirnya meluas di negeri Pahang dan semakin diterimserta digunakan oleh rakyat di negeri ini. Melalui perkara inilah, Pahang dilihat sebagai sebuah negeri yang berusaha ke arah pemerkasaan agama serta tulisan jawi yang bukan sahaja merupakan tulisan rasmi Tanah Melayu suatu ketika dulu, namun juga merupakan salah satu usaha agar golongan muda di negeri ini mengenal dan mahir dalam menulis serta membaca tulisan jawi yang sedikit sebanyak memiliki perkaitan dengan agama Islam. Namun perlu difahami dan diberikan penegasan bahawa ianya bukanlah suatu kaedah dan usaha Islamisasi seperti yang dilontarkan oleh sesetengah pihak.

#### **4.5 Menyantuni Golongan Asnaf Dengan Memberi Sumbangan Kepada Golongan Tersebut.**

Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah terkenal sebagai seorang sultan yang dekat dengan rakyatnya. Baginda bukan sahaja memiliki budi pekerti yang unggul serta berpengetahuan tinggi, malah juga terkenal dengan falsafahnya yang tersendiri iaitu “Raja dan Rakyat Berpisah Tiada”. Baginda sentiasa dan gemar mencemar duli dengan mengunjungi rakyat jelata di setiap pelosok daerah di Pahang untuk mendekati dan mengenali rakyatnya serta menyantuni permasalahan yang mereka hadapi. Ketokohan inilah yang menjadi kebanggaan seluruh rakyat negeri Pahang

---

<sup>34</sup> http “Perkasakan tulisan jawi titah sultan pahang.” dari sumber artikel oleh amin ridzuan ishak 21 oktober 2021, 2:46 pm

<sup>35</sup> http “Peratus premis perniagaan di Pahang akur guna tulisan Jawi” artikel edisi Pahang, 21 oktober 2021, 2:46pm

yang mengagumi keprihatinan baginda yang sering menghulurkan bantuan (sumbangan) kepada rakyat yang memerlukan dan kesusahan. Malah, kerajaan Pahang di bawah MUIP juga telah mendirikan Kompleks Asnaf MUIP iaitu satu penempatan yang diwujudkan khas untuk memberikan perlindungan kepada asnaf fakir, miskin, muallaf, gharimin, riqab dan fisabilillah. Ianya diwujudkan dengan harapan dapat memberi manfaat kepada golongan-golongan yang terpinggir seperti warga emas fakir miskin yang tinggal sebatang kara serta membela nasib para muallaf yang dibuang oleh keluarga mereka.<sup>36</sup>

#### **4.6. Menyantuni Mualaf Dengan Memberikan Sumbangan Kepada Golongan tersebut.**

Almarhum Sultan Ahmad Shah cukup sinonim dan dekat dengan golongan muallaf di negeri Pahang. Sepanjang pemerintahan almarhum, golongan muallaf sangat disantuni di bawah pemerintahan baginda. Golongan ini diberikan pelbagai inisiatif dengan tujuan dan harapan agar mereka dapat menjalani kehidupan sebagai seorang muallaf dengan baik. Golongan muallaf ini sinonim dengan isu dibuang keluarga, kerana tindakan mereka yang memeluk agama Islam dan meninggalkan agama asal mereka. Fenomena ini cuba ditangani di bawah pemerintahan Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah yang semestinya merupakan seorang tokoh pemerintah yang sangat dekat dengan rakyat jelata tanpa mengira sempadan kaum, bangsa dan agama di negeri Pahang. Almarhum melahirkan cetusan idea dan gerak kerja yang sangat produktif dalam membantu golongan seumpama ini untuk diberikan pertolongan serta sokongan dalam kehidupan baharu mereka. Sebagai contoh, sebuah peruntukan sebanyak RM2 Juta telah diberikan sebagai sumbangan Aidilfitri Muallaf di Pekan, Pahang pada tahun 2019. (Majalah MUIP Edisi 3/2019) Melalui inisiatif seumpama inilah, baginda terkenal sebagai seorang pemerintah yang memiliki hubungan rapat dengan rakyat sekaligus menjadikan almarhum menjadi pemerintah yang disayangi, disegani, dan dihormati oleh rakyatnya.

---

<sup>36</sup> “Baitulmal zakat kompleks asnaf” (buku edisi 3, www.muirp.gov.my) 9 september 2021, 2:48 pm

#### **4.7 Kesimpulan**

Umum mengetahui bahawa Sultan Ahmad Shah merupakan seorang Sultan dan tokoh pemimpin yang sangat dikenali dan masyhur dalam kalangan rakyat terutamanya rakyat di negeri Pahang. Almarhum pernah menjawat jawatan sebagai canselor pertama di Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah bermula pada tahun 2016. Sumbangan baginda kepada institut ini telah menjadi pemangkin kepada kemajuan dan keteguhan institusi tersebut sehingga ke hari ini. Almarhum juga sebenarnya telah banyak berjasa dan terlibat sama ada secara langsung maupun secara tidak langsung dalam pembinaan kompleks Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang yang merupakan sebuah badan institut agama yang utama di negeri Pahang. Institut ini telah banyak memberikan sumbangan dakwah serta menyantuni rakyat negeri Pahang dalam usaha menyebarkan agama Islam. Malah, almarhum juga sebenarnya merupakan seorang Sultan yang sangat mementingkan aspek keagamaan serta pernah menitahkan agar tulisan Jawi diperkasakan di negeri ini sebagai salah satu usaha penyebaran dakwah di negeri ini. Walaupun almarhum memiliki kedudukan yang tinggi, namun ia tidak menghalang baginda daripada turut sama turun padang menyantuni golongan asnaf dan mualaf sebagai usaha untuk menyelami permasalahan mereka serta memberikan sumbangan agar golongan tersebut tidak disisihkan serta mendapat perhatian yang sewajarnya. Almarhum terkenal sebagai seorang Sultan yang sangat dekat di hati rakyat dan seluruh rakyat negeri Pahang sangat menyayangi almarhum kerana kemuliaan akhlaknya.

## **BAB 5**

### **KESIMPULAN DAN RUMUSAN**

#### **5.1 Pendahuluan**

Almarhum sultan Ahmad Shah merupakan seorang pemimpin yang sangat disegani dan dekat di hati rakyat. Almarhum yang merupakan sultan ke 5 di negeri Pahang sememangnya merupakan seorang tokoh yang telah banyak membuat perubahan dan penambah baikan dalam pelbagai sektor terutamanya di dalam negeri tersebut. Almarhum bukan pernah menabur jasa dalam bidang bola sepak dan sukan, namun almarhum juga banyak berjasa dalam peningkatan aspek keagamaan, pendidikan dan kebanjikan rakyat negeri Pahang. Almarhum merupakan salah seorang tokoh pemimpin yang sentiasa merangka pelbagai perlaksanaan program dan inisiatif demi untuk menjaga kebijakan dan keharmonian kehidupan rakyat di bawah pimpinannya. Sememangnya, kewibawaan dan kecemerlangan almarhum dalam pelbagai aspek menjadikan almarhum sebagai pemimpin yang telah banyak berjasa kepada negara dan khususnya kepada negeri Pahang. Leluhur pemerintahan almarhum jelas menunjukkan bahawa almarhum seorang yang bijaksana dan merupakan pemimpin yang berjiwa rakyat tanpa mengenal pangkat dan jawatan. Sifat inilah yang menjadikan kehilangan almarhum merupakan suatu kedukaan besar bagi rakyat kerana sememangnya jasa almarhum sangat banyak sepanjang pemerintahannya.

#### **5.2 Sultan Ahmad Shah Tokoh Sultan Berjaya Rakyat**

Sultan Ahmad Shah merupakan salah seorang sultan mahupun tokoh yang telah banyak memberikan sumbangan sepanjang khidmat baginda khususnya di negeri Pahang. Sultan Ahmad Shah merupakan salah seorang sultan di Malaysia yang telah banyak memberikan sumbangan dan perubahan serta pengukuhan dalam bidang agama Islam khususnya di negeri Pahang sendiri. Sama seperti sultan di negeri-negeri lain, Sultan Ahmad Shah juga memiliki sejarah kecemerlangannya yang tersendiri dalam pemerintahan. Sultan Ahmad Shah mula melakar sejarah kecemerlangan pemerintahan baginda dalam sejarah peristiwa pemberontakan di Pahang

suatu ketika dahulu. Baginda dapat dibuktikan sebagai seorang sosok tokoh pemerintah yang dekat di hati rakyat apabila mampu menyatu padukan rakyat di bawah pemerintahnya.<sup>37</sup>

Oleh itu, melalui latar belakang dan sejarah pemerintahan Sultan Ahmad Shah, maka dapat disimpulkan bahawa untuk melahirkan seorang tokoh pemerintah yang cemerlang perlu kepada beberapa asas penting seperti :

- i. Mendapat pendidikan awal yang sempurna.
- ii. Bijaksana
- iii. Berjiwa rakyat
- iv. Mampu menyatukan rakyat di bawah pemerintahan
- v. Mementingkan aspek agama
- vi. Memiliki pengalaman yang luas dalam lapangan ketenteraan.
- vii. Berkredibiliti tinggi
- viii. Berpandangan jauh
- ix. Prihatin terhadap rakyat Jelata
- x. Berwibawa

### **5.3. Kepimpinan Sultan Ahmad Shah**

Sultan Ahmad Shah dilihat mampu memerintah dengan cemerlang apabila almarhum dilihat sebagai seorang sultan yang amat berdedikasi dan sentiasa mencari jalan untuk memajukan aspek pembangunan, kebijakan, pendidikan dan kemudahan asas di Pahang. Sultan Ahmad Shah amat disegani dan disayangi oleh rakyat negeri Pahang kerana sumbangan dan ketokohan sebagai seorang sultan yang berjaya menjadikan Pahang sebagai salah sebuah negeri yang memiliki struktur pemerintahan yang baik terutamanya dalam aspek agama. Malah, menurut Pengarah Eksekutif ANIH Berhad Datuk Nik Fauzi Nik Hussein, Sultan Ahmad Shah juga amat berjasa dan banyak memainkan peranan yang penting dalam usaha saha merealisasikan penubuhan

---

<sup>37</sup> http “Sultan ahmad shah banyak berjasa kepada pembangunan pendidikan pahang.” Sumber dari Ariffin Kusetiawan Mukandar 20 oktober 2021, 8:39 pm

Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT 1) pada tahun 2004 untuk kemudahan rakyat.<sup>38</sup> Seterusnya, Presiden Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) Datuk Hamidin Mohd Amin, almarhum Sultan Ahmad Shah merupakan seorang Presiden yang tegas dancintakan bola sepak. Beliau yang pernah berkhidmat bersama Almarhum Sultan Ahmad Shah bermula 1995 hingga 2015, ketika baginda menjadi Presiden FAM pada masa itu, berkata bahawa di sebalik ketegasannya almarhum juga seorang yang penyayang kepada kakitangan dan pegawainya. Almarhum juga merupakan presiden paling lama memegangpucuk kepimpinan FAM, selama 30 tahun bermula 1984 hingga 2014.

Almarhum Sultan Ahmad Shah juga pernah mencerahkan khidmatnya kepada pembangunan bola sepak di peringkat antarabangsa, terutama di rantau Asia apabila memegang jawatan Presiden Konfederasi Bola Sepak Asia (AFC) bermula 1994-2002 dan Presiden Persekutuan Bola Sepak ASEAN (AFF) bermula 2011-2019. Almarhum juga memastikan Malaysia disegani di mata dunia dengan mendapat penghormatan menjadi tuan rumah Piala Dunia Belia FIFA pada 1997. Almarhum antara tokoh yang menuntut penambahan kuota untuk benua Asia dalam saingan Piala Dunia FIFA pada 2002, susulan krisis pada 1999 apabila delegasi AFC memulau mesyuarat Kongres FIFA di Los Angeles.<sup>39</sup> Selepas kemangkatan almarhum, Kerajaan berhasrat mengabadikan pembangunan fasiliti sukan dengan anggaran kos lebih RM500 juta, kepada ikon kepimpinan sukan negara, Almarhum Sultan Ahmad Shah. Menteri Wilayah Persekutuan Tan Sri Annuar Musa berkata, projek 'Soccer City' itu adalah inisiatif Almarhum Sultan Ahmad Shah, ketika memimpin Persatuan Bola sepak Malaysia (FAM)<sup>40</sup>

#### **5.4. Pembangunan Pendidikan Era Sultan Ahmad Shah**

Sultan Ahmad Shah juga Almarhum juga disifatkan sebagai sultan yang amat menitikberatkan pembangunan pendidikan di Pahang kerana menyedari kepentingan ilmu untuk mengubah nasib rakyat serta banyak menyumbang terhadap pembangunan university sehingga dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Kejuruteraan Awam pada Majlis Konvokesyen Komemoratif dan Majlis Konvokesyen Ke-4 UMP pada 2009. Selain itu, Tanpa mengira protokol dan darjah sebagai seorang yang berdarah diraja, Sultan Ahmad Shah adalah antara orang yang terawal akan ‘menyinsing seluar’ mencemar duli melawat daerah di Pahang setiap kali berlaku

<sup>38</sup> <http://www.sultanhahmadsah.com.my/sultan-ahmad-shah-banyak-berjasa-kepada-pembangunan-pendidikan-pahang/>” Sumber dari Ariffin Kusetiawan Mukandar 20 oktober2021, 8:39 pm

<sup>39</sup> “Berita Sukan Almarhum Sultan Ahmad Shah Presiden tegas penyayang,” artikel dari, Hamidin. 21 oktober 2021, 3:07 pm

<sup>40</sup> <http://www.sultanhahmadsah.com.my/sukan-bola-kenang-jasa-almarhum-sultan-ahmad-shah/>” 21 oktober 2021, 3:09pm

bencana terutama banjir, untuk menghulur bantuan dan berkongsi derita serta keluh-kesah dengan rakyat. Bagi baginda, rakyat merupakan keutamaannya dan baginda yang lebih mesra membahasakan dirinya ‘saya’ juga sentiasa memantau pembangunan di Pahang dan tidak teragak-agak menegur pihak yang terbabit jika mendapati sesuatu projek itu boleh membawa mudarat kepada rakyat.<sup>41</sup> Selain itu, pelbagai inisiatif tambahan juga diberikan kepada para pelajar sepanjang pemerintahan Almarhum. Pada 8 April 2019, sebuah majlis bagi meraikan para pelajar Pahang yang akan melanjutkan pelajaran ke Universiti Al-Azhar, Mesir telah diadakan di Dewan Utama Majlis Ugama Islam Pahang, KISHAS. Dalam majlis tersebut, peruntukan sebanyak RM409,290.00 yang merangkumi peruntukan bagi perbelanjaan kursus intensif bahasa arab kelolaan Pusat Bahasa Arab Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP), tiket penerbangan sehala ke Mesir serta wang tunai sebanyak RM1,000.00 seorang. Majlis ini dimeriahkan dengan kehadiran YH Dato’ Syed Ahmad Fuad bin Syed Taha, Pengarah JAIP, YH Dato’ Haji Mohd Ghazali bin Abdul Aziz, Timbalan Pengarah JAIP, pengetua-pengetua sekolah menengah agama negeri Pahang, para pegawai serta ibu-bapa pelajar. Melalui majlis dan peuntukan sebegini, jelas diperlihatkan dan dapat dibuktikan bahawa almarhum merupakan seorang pemerintah yang mementingkan pendidikan rakyat di bawah pemerintahannya terutamanya anak muda negeri Pahang. Almarhum sentiasa berinovasi dan memiliki pandangan ke hadapan mengenai aspek pendidikan di negeri ini.

Almarhum juga merupakan canselor pertama bagi Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS). Kolej ini telah berjaya melahirkan para pelapis dakwah serta lapisan pelajar yang telah berjaya dalam pelbagai bidang lain. Kewibawaan almarhum sebagai canselor kolej tersebut telah membantu dalam pertambahan dan peningkatan aspek pendidikan di negeri Pahang. Bukan sahaja berjaya melahirkan para pelapis dakwah, malah graduan daripada institut tersebut juga telah dibuktikan setaraf dengan para graduan daripada pusat pendidikan yang lain.

## **5.5. Pembanganun Kerohanian**

Sultan Ahmad Shah sangat sinonim dengan keprihatinan dan kesungguhan baginda dalam aspek kerohanian di bawah pemerintahan almarhum. Sepanjang pemerintahannya, almarhum telah banyak berjasa dan berjaya meningkatkan aspek keagamaan di negeri Pahang. Pada tanggal 10 Mei 2012, Almarhum telah berangkat merasmikan Masjid Sultan Haji Ahmad Shah di bandar

---

<sup>41</sup> <http://Belasungkawa sultan ahmad shah disenangi rakyat>” 21 september 2021, 2:50pm

Bentong, Pahang. Masjid tersebut boleh menampung sehingga 2000 orang jemaah pada satu masa. Uniknya, masjid ini dilengkap dengan bangunan kafa dan kawasan tempat permainan kanak-kanak. Seterusnya, pada tanggal 16 Ogos 2012, almarhum berkenan berangkat merasmikan Masjid Al Mukmin di Tanah Putih, Pekan. Seperti masjid-masjid lain, masjid ini juga menyediakan pelbagai kemudahan fasiliti yang mesra kanak-kanak serta memberikan kemudahan kepada pengunjung yang singgah untuk melaksanakan sifat di sini. Masjid ini dijadikan pusat keagamaan diguna pakai untuk pelbagai majlis dan keramaian penduduk setempat. Bukan sahaja sebagai tempat ibadah, malah ianya juga boleh dianggap sebagai pusat komuniti masyarakat Islam di Kawasan ini.

Ketokohan almarhum dari aspek kerohanian semakin menonjol apabila pada tanggal 21 April 2005, almarhum berangkat menyempurnakan Majlis Sambutan Maulidur Rasul 1426 Hijrah peringkat negeri Pahang. Kemudian, pada tanggal 8 April 2011, almarhum berkenan merakan gambar bersama johan hafazan pada majlis penutup hafazan Al-Quran peringkat Kebangsaan kali ke-32. Seterusnya, pada tanggal 27 Mac 2015 pula, almarhum sekali lagi menyempurnakan penyampaian hadiah kepada johan Qari pada majlis tertutup Tilawah Al- Quran peringkat negeri Pahang kali ke-57 Sepanjang pemerintahan almarhum, segenap lapisan masyarakat terutamanya di negeri Pahang disantuni dengan baik termasuklah golongan muallaf. Pada Tarikh 21 Mei 2019, bersamaan 16 Ramadhan 1440 Hijrah, sebuah majlis berbuka puasa dan penyerahan bantuan tahunan menyambur Hari Raya Aidilfitri Fakir Miskin Saudara Muslim dan Saudara Baharu dearah Pekan telah diadakan. Program ini merupakan program tahunan khusus buat saudara baharu dan saudara Muslim peringkat daerah Pekan, Pahang. Program ini telah menyampaikan bantuan sebanyak RM98,300.00 yang melibatkan 567 orang penerima. Selain itu, MUIP juga memperuntukkan sebanyak RM50 ribu kepada Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) Bahagian Negeri Pahang untuk tujuan perlaksanaan aktiviti-aktiviti dakwah peringkat PERKIM. Melalui peruntukan dan bantuan seumpama ini, jelas dibuktikan bahawa pembangunan kerohanian sepanjang pemerintahan almarhum dijalankan dengan begitu rancak dan telah menyantuni pelbagai pihak yang memerlukan. Melalui keprihatinan almarhum inilah, menjadikan rakyat di negeri Pahang melihat almarhum sebagai satu figure ikonik yang mementingkan pelbagai aspek terutamanya aspek kerohanian. Kepesatan pembangunan kerohanian di negeri Pahang dapat dilihat dengan peningkatan institusi masjid sebagai rumah ibadat serta pelbagai inisiatif-inisiatif lain yang melibatkan pelbagai isu mengenai orang Islam di negeri ini.

## **5.6. Sumbangan**

Almarhum Sultan Ahmad Shah merupakan seorang figure tokoh yang telah banyak memberikan sumbangan sepanjang pemerintahannya. Almarhum merupakan seorang pemerintah dan sultan yang sangat dekat di hati rakyat terutamanya di negeri Pahang. Almarhum banyak berjasa dalam pelbagai aspek dan di antaranya ialah, dalam bidang sukan, pendidikan, kerohanian dan pelbagai lagi. Almarhum merupakan seorang tokoh yang sangat aktif dalam bidang sukan. Pada Tarikh 3 Mac 1996, almarhum selaku Presiden FAM telah melancarkan logo Liga M. Almarhum juga sebenarnya sangat aktif dalam kegiatan sukan polo. Baginda pernah menyempurnakan Upacara Perasmian Pembukaan Sukan Malaysia (SUKMA) XV pada 7 Julai 2012. Ketokohan almarhum dalam bidang sukan menjadikan kehilangannya meninggalkan kesan mendalam kepada penggiat sukan negara. Keprihatinan dan jasa almarhum dalam bidang sukan menjadikan mereka memiliki mempunyai penghargaan yang sangat tinggi terhadapnya. Malah, almarhum sebenarnya juga sangat bergiat dalam meningkatkan aspek pendidikan terutamanya di negeri Pahang. Almarhum di bawah pemerintahannya telah berjaya melaksanakan dan mewujudkan pelbagai organisasi dan pusat pendidikan terbaharu serta peningkatan dalam aspek pendidikan yang sedia ada demi untuk melahirkan cendekiawan- cendekiawan kelahiran anak Pahang. Salah satu institut pengajian yang sinonim dengan almarhum ialah, Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS).

Seterusnya, Almarhum yang merupakan cinselor pertama bagi kolej ini telah bersama-sama dengan warga pendidik berjaya melahirkan ramai mahasiswa yang berbakat dan berpengetahuan tinggi dengan kemahiran masing-masing yang akhirnya berkhidmat dalam pelbagai sektor di negeri ini serta di seluruh Malaysia terutamanya dalam bidang dakwah. Peningkatan dalam institut pendidikan tinggi yang lain juga menjadi bukti bahawa almarhum sememangnya seorang pemerintah yang sangat mementingkan aspek pendidikan belia negeri ini. Keluh-kesah rakyat yang ditimpa pelbagai musibah turut didengar dan diberi perhatian oleh almarhum. Pelbagai peruntukan serta program bantuan rakyat telah dijalankan demi untuk membantu rakyat yang memerlukan. Pelbagai lapisan masyarakat seperti golongan pelajar, OKU, muallaf dan lain-lain telah menerima pelbagai inisiatif demi untuk kelangsungan hidup mereka. Pimpinan negeri Pahang di bawah pemerintahan almarhum giat melaksanakan pelbagai inisiatif yang turut dihadiri oleh baginda telah menyebabkan dan memperlihatkan bahawa sememangnya almarhum ialah seorang sultan yang dekat di hati rakyat. Bencana dan permasalahan diselesaikan dengan sebaiknya di bawah keprihatinan almarhum. Nasib pelbagai lapisan masyarakat di negeri Pahang

tidak terabai kerana pada ketika itu, rakyat negeri Pahang berasa senang terhadap pemerintahanbaginda.

Akhir sekali, seorang pemimpin yang berwibawa dan disenangi rakyat seperti almarhum Sultan Ahmad Shah adalah merupakan sebuah permata di hati rakyat. Kebolehan, kebijaksanaan, kepimpinan dan keprihatinan almarhum menjadikan almarhum disenangi oleh rakyat bukan sahaja di negeri Pahang malah di seluruh Malaysia. Pelbagai perubahan dan peningkatan yang dilakukan di bawah pemerintahan almarhum telah menjadi bukti bahawa baginda sememangnya layak digelar dan dianggap sebagai Sultan yang dekat di hati rakyat.

## **5.7 Kesimpulan**

Ketokohan Sultan Ahmad Shah tidak asing lagi bagi rakyat terutamanya rakyat negeri Pahang. Almarhum terkenal sebagai seorang sultan yang berjiwa rakyat serta memiliki sifat kepimpinan yang unggul sehingga begitu ramai pihak yang terkesan dengan kehilangan almarhum. Sumbangan almarhum dalam pelbagai sektor sepanjang pemerintahan baginda menjadikan almarhum disegani serta disayangi oleh rakyat secara keseluruhannya. Aspek pendidikan sepanjang pemerintahan almarhum giat dibangunkan serta dipertingkatkan kerana baginda adalah seorang sultan yang sangat menitikberatkan aspek pembangunan pendidikan terutamanya di negeri Pahang. Pelbagai inisiatif serta pembaharuan dalam aspek pendidikan sedikit sebanyak telah meningkatkan pencapaian dalam aspek pendidikan di negeri Pahang. Malah, almarhum juga sebenarnya seorang sultan dan pemimpin yang sangat mementingkan aspek kerohanian dalam kepimpinannya. Di samping menyantuni rakyat yang terdiri daripada pelbagai golongan, malah almarhum juga telah banyak memberikan sumbangan kepada mereka dengan tujuan dan harapan agar rakyat di negeri Pahang ini memiliki kehidupan yang baik serta hak-hak dan suara mereka didengari sebagai rakyat negeri Pahang. Kemurnian serta kedekatan almarhum bersama rakyat menjadikan almarhum sinonim dikenali sebagai sultan yang dekat di hati rakyat. Semestinya, kepimpinan almarhum adalah hasil daripada ilmu pengetahuan yang tinggi, akidah yang kukuh, keprihatinan terhadap rakyat serta ketegasan dalam memerintah yang ada dalam diri almarhum sebagai seorang Sultan yang unggul sepanjang pemerintahannya.

## **RUJUKAN**

Amnah Saayah Ismail at. al, Kredibiliti Sultan Ahmad dalam Peristiwa Pemberontakan Pahang (1891-1895)

Ahmad Effat Mokhtar, Ibrahim Hashim, Misnan Jemali, Abdul Munir Ismail, 2017, Dakwah Kepada Golongan Profesional di Pahang, Kolej Universiti Islam Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS) Universiti Pendidikan Sultan Idris

Ahmad Sarji Abdul Hamid (2011), The Encyclopedia of Malaysia, 16 – The Rulers of Malaysia, Editions Didier Millet,

Amin Ridzuan Ishak, Februari 2016, Perkasakan tulisan jawi, titah Sultan Pahang, BH Online.

Amnah Saayah Ismail at. al, Kredibiliti Sultan Ahmad dalam Peristiwa Pemberontakan Pahang (1891-1895)

Ariffin Kusetiawan Mukandar. (23 May 2019). Sultan Ahmad Shah banyak berjasa kepada pembangunan, pendidikan Pahang. International Islamic University Malaysia.

“Asal Usul Nama Negeri Pahang” diakses dari <https://negeripahang.com/asal-usul-nama-negeri-pahang>

Amin Ridzuan Ishak, Februari 2016, Perkasakan tulisan jawi, titah Sultan Pahang, BH Online.

Amnah Saayah Ismail, Burhanuddin Jalal, Nurhana binti Mohamad Rafiuddin, Aida Nasirah binti Abdullah, Kredibiliti Sultan Ahmad dalam Peristiwa Pemberontakan Pahang (1891-1895), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.

Ariffin Kusetiawan Mukandar. (23 May 2019). Sultan Ahmad Shah banyak berjasa kepada pembangunan, pendidikan Pahang. International Islamic University Malaysia.

BH Online, 2019, Sejarah Kesultanan Melayu Pahang, diakses dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/01/519028/sejarah-kesultanan-melayu-pahang>

BH Online, 2019, BELASUNGKAWA: Sultan Ahmad Shah disenangi rakyat,diakses dari<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/05/566689/belasungkawa-sultan-ahmad-shah-disenangi-rakyat>

BH Online, 2019, Sejarah Kesultanan Melayu Pahang, diakses dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/sejarah-kesultanan-melayu-pahang>

BH Online, 2019, BELASUNGKAWA: Sultan Ahmad Shah disenangi rakyat, diakses dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/05/566689/belasungkawa-sultan-ahmad-shah-disenangi-rakyat>

Halim, Ibrahim (2010) Raja dan rakyat berpisah tiada: KDYMM Sultan Haji Ahmad Shah Al- Musta'in Billah Ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Muadzam Shah / Dato' Halim Ibrahim. Dato' Halim Ibrahim, Kuantan, Pahang.  
<https://negeripahang.com/asal-usul-nama-negeri-pahang> Asal Usul Nama Negeri Pahang.

Halim, Ibrahim (2010) Raja dan rakyat berpisah tiada: KDYMM Sultan Haji Ahmad Shah Al- Musta'in Billah Ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Muadzam Shah / Dato' Halim Ibrahim. Dato' Halim Ibrahim, Kuantan, Pahang.  
<http://www.dirajapahang.my/portaldiraja/PortalDirajaPahang.> (2016).  
<http://kgluit.pjk.com.my/index.php/warga-pi1m/maklumat-pi1m/sejarah/139-sejarah-kesultanan-pahang> (Asal Usul Kesultanan Pahang)  
<https://www.parlimen.gov.my/yda-senarai-yang-di-pertuan-agong.html?uweb=yg&> (senarai yang dipertuan agong)

“Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang”, Punca Kuasa

Penubuhan, diakses dari <http://www.muip.gov.my/v4/korporat/punca-kuasa-penubuhan>.

Laman web “Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang”, Punca Penubuhan Kuasa, diakses dari <http://www.muip.gov.my/v4/korporat/punca-kuasa-penubuhan/>

Muhammad Ikhlas Rosele, Rahimin Affandi Abd Rahim, Wan Zailan Kamaruddin Wan Ali, Peranan Sultan Dalam Perkembangan Islam Di Negeri Pahang, Jurnal Pengajian Melayu, Jilid 29, 2018. Universiti Malaya.

Muhammad Khairi Mahyuddin, November 2019, Kepimpinan Berdasarkan Kecerdasan Hati Dalam Islam, Universiti Sains Islam Malaysia.

Muhammad Ikhlas Rosele, Rahimin Affandi Abd Rahim, Wan Zailan Kamaruddin Wan Ali, Peranan Sultan Dalam Perkembangan Islam Di Negeri Pahang, Jurnal Pengajian Melayu, Jilid 29, 2018. Universiti Malaya.

Muhammad Khairi Mahyuddin, November 2019, Kepimpinan Berdasarkan Kecerdasan Hati Dalam Islam, Universiti Sains Islam Malaysia.

Muhammad Ikhlas Rosele, Rahimin Affandi Abd Rahim, Wan Zailan Kamaruddin Wan Ali, Peranan Sultan Dalam Perkembangan Islam Di Negeri Pahang, Jurnal Pengajian Melayu, Jilid 29, 2018. Universiti Malaya

Portal Diraja Pahang. (2016). diakses dari <http://www.dirajapahang.my/portaldiraja>  
Sinar Harian, November 2021, 90 peratus premis perniagaan di Pahang akur guna tulisan Jawi, diakses dari, <https://www.sinarharian.com.my/article,Edisi/Pahang/90-peratus-premis-perniagaan-di-Pahang-akur-guna-tulisan-Jawi>

Sinar Harian, November 2021, 90 peratus premis perniagaan di Pahang akur guna tulisan

Jawi, diakses dari <https://www.sinarharian.com.my/articleEDISI/Pahang/90-operatus-premis-perniagaan-di-Pahang-akur-guna-tulisan-Jawi>

Wan Ahmad Fauzi Wan Husain, 2019, Kesultanan Pahang antara kerajaan terawal, Universiti Malaysia Pahang.

Wikipedia, 2021, Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin al-Mu'azzam Shah ibni al-Marhum Sultan Abdullah al-Mu'tassim Billah Shah, diakses dari [https://ms.wikipedia.org/wiki/Sultan\\_Abu\\_Bakar\\_Riayatuddin\\_al-Muazzam\\_Shah\\_ibni\\_al-Marhum\\_Sultan\\_Abdullah\\_al-Mutassim\\_Billah\\_Shah](https://ms.wikipedia.org/wiki/Sultan_Abu_Bakar_Riayatuddin_al-Muazzam_Shah_ibni_al-Marhum_Sultan_Abdullah_al-Mutassim_Billah_Shah)

Wan Ahmad Fauzi Wan Husain, 2019, Kesultanan Pahang antara kerajaan terawal, Universiti Malaysia Pahang.

Wikipedia, 2021, Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin al-Mu'azzam Shah ibni al-Marhum Sultan Abdullah al-Mu'tassim Billah Shah, diakses dari [https://ms.wikipedia.org/wiki/Sultan\\_Abu\\_Bakar\\_Riayatuddin\\_al-Muazzam\\_Shah\\_ibni\\_al-Marhum\\_Sultan\\_Abdullah\\_al-Mutassim\\_Billah\\_Sh](https://ms.wikipedia.org/wiki/Sultan_Abu_Bakar_Riayatuddin_al-Muazzam_Shah_ibni_al-Marhum_Sultan_Abdullah_al-Mutassim_Billah_Sh)

## LAMPIRAN



**Sultan Ahmad al-Mu'azzam Shah ibni al-Marhum Bendahara Sri Maharaja Tun Ali**



**Sultan Mahmud Shah ibni al-Marhum Sultan Ahmad al-Mu'azzam Shah**



**Sultan Abdullah al-Mu'tasim Billah Shah ibni al-Marhum Sultan Ahmad al-Mu'azzam Shah**



**Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin al-Mu'azzam Shah ibni al-Marhum Sultan  
Abdullah al-Mu'tasim Billah Shah**




**Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah ibni Almarhum Sultan Abu Bakar  
Ri'ayatuddin Al-Mu'azzam Shah**




**Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Almarhum Sultan  
Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah**

## SALASILAH KESULTANAN MELAYU PAHANG





**Sultan Haji Ahmad Shah  
Al-Musta'in Billah**  
Sultan Pahang V  
1974 - Hingga Sekarang  
Menaiki Takhta 7hb. Mei 1974



## ISTANA MANGGA TUNGGAL



## ISTANA ABU BAKAR, PAKAN PAHANG



**GAMBAR ALMARHUM TURUN PADANG UNTUK BERSAMA-SAMA  
MERAIKAN PASUKA BOLEASEPAK NEGARA YANG TELAH MENJUARAI  
PIALA SUZUKI 2010**



**ALMARHUM MERUPAKAN CANSELOR KOLEJ UNIVERSITI ISLAM PAHANG  
SULTAN AHMAD SHAH**



**ALMARHUM BERSAMA RAKYAT JELATA DAN DISENANGI RAKYAT**





## **ALMARHUM BERSAMA KANAK-KANAK GOLONGAN ASNAF**



**GAMBAR ALMARHUM MENCEMAR DULI MERASMIKAN KOMPLEKS ASNAF MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU PAHANG DI KAMPUNG SUNGAI SOI, KUANTAN.**



## ALMARHUM MEMBERIKAN SUMBANGAN

